قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**"DARIPADA Ibnu Umar Radialahuanhuma ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Wahai manusia! Bertaubatlah kepada Allah kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari seratus kali". - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Al-Imam Muslim**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.44 | SUBUH 4.54 | SYURUK 6.18 | DUHA 6.42 | ZUHUR 12.14 | ASAR 3.36 | MAGHRIB 6.08 | ISYAK 7.23
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 148 | 11 DISEMBER 2023 / 1445 27 جمادى الأول | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

***"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.***

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# TAKUTLAH KEPADA AZAB ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat Ke-115. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG,** Sabtu, 9 Disember. - Allah Subhanahu Wata'ala berjanji kepada orang-orang mukmin untuk memberikan keampunan.

Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan hambanya yang lemah, sesungguhnya orang yang takut azab Allah Subhanahu Wata'ala, sementara mereka tidak melihatnya, tidak nampak Allah lalu beriman kepadanya.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati Taddabur Al-Quran dari Surah Al-Mulk Ayat 12-15 dan tazkirah Malam Munajat yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit dari Masjid UBD.

Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala baik dalam keadaan rahsia ataupun terang-terangan. Mereka ini takut kepada Tuhan ketika tidak kelihatan kepada manusia, menahan diri daripada membuat maksiat, melakukan ketaatan, di mana tidak ada yang melihat kecuali Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka ini mendapat keampunan besar di mana Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampuni dosa-dosa mereka dengan memberikan pahala yang berlimpah iaitu ke syurga.

**>> Muka 3**

# 470 belia sertai PKBN Pengambilan Ke-12

**Oleh : Khartini Hamir**

**TEMBURONG**, Sabtu, 9 Disember. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan belia yang cemerlang, bertanggungjawab dan berdisiplin dengan berkonsepkan kesukarelawanan, pembangunan belia serta pembentukan jati diri.

Latihan PKBN Pengambilan Ke-12 kali ini disertai oleh seramai 470 orang pelatih secara sukarelawan dan ia merupakan salah satu pencapaian yang tertinggi pasca penularan wabak COVID-19 di negara ini memandangkan angka tersebut tidak tercapai sebelum penularan wabak berkenaan.

Perkara itu diketengahkan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad semasa merasmikan Pelancaran PKBN Pengambilan Ke-12 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Kuliah, Kem Latihan PKBN Batu Apoi, di sini.

**>> Muka 8**

# Galak penglibatan masyarakat dalam kerja sukarela

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun dan ia dilihat sebagai peluang unik untuk sukarelawan dan organisasi meraikan usaha mereka, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada keamanan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dalam program pembangunan.

**>> Muka 4**

# Kanak-kanak umur 5 tahun wajib bersekolah bermula 2024

**Siaran Akhbar: Kementerian Pendidikan**

**BERAKAS**, Sabtu, 9 Disember. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 Tahun 2023 yang lalu, Kementerian Pendidikan sukacita memaklumkan bahawa pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah dari 6 tahun kepada 5 tahun, akan mula dilaksanakan pada bulan Januari tahun 2024.

**>> Muka 3**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



**MAJLIS Qalbun Salim : Meraikan pencapaian golongan OKU**
Muka 7



**MENGAJAR peserta atasi rintangan dengan keberanian**
Muka 8



**TIMBA ilmu mengenai institusi sejarah, kesultanan Brunei**
Muka 10



RENCANA

**NILAI sukarelawan amatlah berharga**
Muka 20

# Kegiatan pengakap mantapkan semangat setia kawan, perpaduan serantau dan sejagat



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Penutupan Rasmi Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam sempena Sambutan 90 Tahun Berpengakap Negara Brunei Darussalam di Padang Kemasyarakatan, Bukit Bendera, Pekan Tutong pada Khamis, 23 Jamadilawal 1445H bersamaan 7 Disember 2023M.**

**Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du**

**SYUKUR** ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Penutupan Rasmi Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu, saya ucapkan syabas kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang telah berjaya mengungkayahkan Jambori Nasional dan setinggi tahniah di atas pencapaian ulang tahun ke-90 kegiatan berpengakap di negara ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan penyertaan pasukan pengakap dari negara jiran dan antarabangsa lainnya di Jambori Nasional Ke-5 ini yang membuktikan bahawa kegiatan berpengakap adalah menyumbang secara langsung kepada merapatkan dan memantapkan semangat kesetiakawanan serta perpaduan serantau dan sejagat.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1933, pergerakan pengakap di Brunei melangkah setapak demi setapak mengikuti arus dan perkembangan pergerakan pengakap seluruh dunia sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Pergerakan pengakap di Brunei Darussalam tidak dapat dinafikan telah banyak menyumbang kepada pembangunan belia dan negara. Inilah yang kita harapkan, kewujudan dan kelangsungannya sebagai agen pembentukan barisan generasi muda dan remaja dalam bersama-sama menyantuni serta mendukung aspirasi dan menjayakan Wawasan Negara.

Ini bertepatan dengan antara kandungan titah paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Upacara Perasmian Jambori Nasional Kali Ke-5 ini pada hari Isnin, 4 Disember yang lalu di mana paduka ayahanda menyentuh melalui tema Jambori 'Scouts on the Move' adalah mencerminkan para pengakap yang sentiasa aktif dan bersedia menghadapi cabaran dengan berbekalkan nilai undang-undang dan kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 sebagai *skills set* yang perlu dipelajari dan miliki.

Saya gembira pengisian Jambori yang telah berlangsung sejak 2 Disember adalah merupakan wadah kepada semua Ahli Pengakap untuk saling mempelajari serta menimba pengalaman yang sangat berharga.

Di samping itu, ianya juga memberikan peluang berinteraksi di kalangan ahli pengakap dari dalam dan luar dengan pertukaran pandangan dan pengetahuan serta pengalaman yang berguna untuk kemajuan diri dan pasukan masing-masing melalui berbagai kegiatan Jambori yang diaturkan.

Akhirnya, pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada semua agensi kerajaan, swasta, NGO serta semua peringkat Jawatankuasa yang terlibat bagi bersama-sama menjayakan Jambori ini. Penghargaan yang sama juga saya tujukan kepada semua anggota pasukan-pasukan pengakap yang menyertainya.

Kepada anggota pasukan pengakap dari negara jiran dan antarabangsa, saya yakin mereka akan membawa balik pengetahuan dan pengalaman serta kenangan manis di sepanjang mengikuti Jambori ini dan akan terus mengukuhkan hubungan persahabatan yang dijalin melalui Jambori ini dan kemanfaatannya di masa hadapan. Kepada mereka ini saya mengucapkan selamat kembali ke tanah air masing-masing dengan selamatnya.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* serta selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya mengisytiharkan penutupan rasmi Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | ISNIN | 27 | 4.44 | 4.54 | 6.18 | 6.42 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |
| 12 | SELASA | 28 | 4.45 | 4.55 | 6.18 | 6.42 | 12.15 | 3.36 | 6.09 | 7.24 |
| 13 | RABU | 29 | 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |
| 14 | KHAMIS | 1 Jamadilakhir | 4.46 | 4.56 | 6.19 | 6.44 | 12.16 | 3.37 | 6.10 | 7.25 |
| 15 | JUMAAT | 2 | 4.46 | 4.56 | 6.20 | 6.44 | 12.16 | 3.38 | 6.10 | 7.25 |
| 16 | SABTU | 3 | 4.47 | 4.57 | 6.20 | 6.45 | 12.17 | 3.38 | 6.11 | 7.26 |
| 17 | AHAD | 4 | 4.47 | 4.57 | 6.21 | 6.45 | 12.17 | 3.39 | 6.11 | 7.26 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 26 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Kuala Belait | 33 / 26 °C | 32 / 26 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 11 DISEMBER 2023

# Betulkan niat, jalankan amanah dengan telus

**AMANAH** merupakan satu tanggungjawab yang sangat penting dan dititikberatkan dalam semua perkara. Ia adalah satu sifat yang sangat mustahak dalam hidup. Lebih-lebih lagi dalam alam pekerjaan yang penuh dengan warna-warni budaya bekerja.

Dalam menjaga amanah, beberapa perkara perlu kita tekankan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, pecah amanah dan juga penyalahgunaan kuasa.

Sifat amanah ini juga perlu diterapkan dan dipraktikkan oleh individu yang bekerja, bagi memastikan setiap pekerjaan yang dilakukan menepati kualiti yang diharapkan. Inilah salah satu ciri dan sifat pekerja berintegriti yang sebenar.

Sebaliknya jika kita menjaga amanah yang diberikan, ia akan mendorong individu melakukan sesuatu kerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh.

Ia akan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan pemikirannya untuk memperoleh hasil kerja yang lebih berkualiti.

Perkara tersebut turut ditekankan pada Khutbah Jumaat baru-baru ini yang antaranya digariskan, jangan terlalu taksub untuk memperoleh harta hingga sanggup menggunakan cara yang salah dan tidak betul dan jadilah orang yang tegas dan berpegang teguh kepada peraturan dan undang-undang.

Perbuatan salah guna kuasa ini adalah dilarang dalam Islam dan ia menjadi satu kesalahan jenayah dari segi perspektif undang-undang.

Apa saja yang diperoleh daripada hasil melakukan perbuatan salah di sisi agama Islam termasuk salah guna kuasa adalah tidak berkat, apa tah lagi jika hasil tersebut diperoleh kerana rasuah.

Oleh itu, kita sebagai masyarakat yang bertanggungjawab dan bertamadun, kita boleh mencegah salah guna kuasa ini dengan melaporkan kepada pihak penguat kuasa undang-undang; jangan bersubahat hanya kerana kita takut akan kuasa yang dipegang oleh pegawai tersebut.

Dalam pada itu juga, kita tidak perlu bertolak ansur terhadap jenayah salah guna kuasa.

Jadilah orang yang berintegriti yang tidak mudah digugat hanya kerana dijanjikan kenaikan pangkat atau diberi ganjaran.

Laksanakan pekerjaan dengan penuh amanah dan bertanggungjawab agar kita terus diberikan keberkatan dan kelancaran.

Kita perlu sentiasa berusaha mewujudkan nilai-nilai mulia dalam hubungan antara sesama manusia seperti bekerjasama, bantu-membantu, bersangka baik, nasihat-menasihati dan sebagainya.

Jauhilah perkara yang mungkar dan terus istiqamah, dekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Takutlah kepada azab Allah Subhanahu Wata'ala




YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyertai Malam Munajat Ke-115.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Facebook Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Ihsan KHEU**

**>> Muka 1**

Acara malam munajat berkenaan turut disertai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Hasbi.

Terdahulu bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu khas iaitu Presiden Kami Prihatin (WeCare), Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut dari Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seterusnya bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai diketuai oleh Ahli Persatuan WeCare, Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim yang juga dari Masjid UBD dan Doa Munajat dibacakan oleh Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh dari Madinah Al-Munawwarah.

Acara diteruskan dengan tazkirah dan disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Awang Nur Mizan Syafiw bin Nor Hisham, Ahli Persatuan WeCare dari Masjid UBD dan kemudian disusuli dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dikepalai oleh Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini, Imam Masjid UBD.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu* atau melalui Instagram PDI di *@pdi_kheu.*

# KANAK-KANAK UMUR 5 TAHUN WAJIB BERSEKOLAH BERMULA 2024

**>> Muka 1**

Pindaan ini mewajibkan kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun untuk bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Bagi kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember adalah diwajibkan mendaftar bagi kemasukan prasekolah bermula awal tahun berikutnya.

Pendaftaran bagi kemasukan sesi persekolahan mulai Januari 2024 telahpun dibukakan bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun untuk mengikuti Kelas Pra di sekolah-sekolah rendah kerajaan.

Manakala bagi kanak-kanak yang belum berkesempatan untuk membuat pendaftaran, mereka masih diberi peluang untuk mendaftar di sekolah-sekolah rendah masing-masing.

Sepertimana merujuk Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan: 06/2023: Bagi kanak-kanak yang akan bersekolah untuk kemasukan ke prasekolah pada awal tahun 2024, mereka hendaklah mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember 2023, iaitu lahir sebelum 1 Januari 2019.

Pertimbangan khas bagi yang lahir 1 Januari 2019 dan seterusnya adalah tidak diterima untuk pendaftaran kemasukan prasekolah tahun 2024 (mereka bolehlah mendaftar bagi sesi persekolahan pada tahun seterusnya).

Kemasukan murid-murid bagi tahun 2024 prasekolah akan ditetapkan oleh pihak sekolah masing-masing.

Sepertimana jua Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang sebelum ini, kanak-kanak yang berkeperluan khas adalah juga diwajibkan untuk bersekolah dengan diberikan akses dan jadual-jadual yang tertentu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas.

Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes pengecualian bagi pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan tahap tinggi yang mungkin memerlukan penempatan pembelajaran khas di pusat-pusat khusus atau sekolah khas yang biasanya ditubuhkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Pelajar-pelajar tersebut akan ditempatkan di sekolah-sekolah khas melalui proses penilaian yang bersesuaian.

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu keutamaan dan pelaburan yang dianggap oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai usaha mencapai kecemerlangan bagi mewujudkan sebuah negara berpendidikan dan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2035.

Maka, matlamat utama bagi pindaan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara ini diberikan peluang dan akses yang sama kepada pendidikan yang berkualiti dari sejak awal umur mereka lagi, yang mana ianya adalah selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dan komitmen di peringkat antarabangsa.

Selain itu juga, bagi mewajibkan kanak-kanak bersekolah daripada umur 5 tahun adalah untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan kognitif, aspek sosial dan emosi kanak-kanak.

Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 sebelum ini hanya mewajibkan pelajar-pelajar yang mencapai umur 6 tahun untuk bersekolah, iaitu mereka yang menuntut dalam peringkat Tahun 1 (Darjah 1).

Manakala dengan pindaan ini, kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun adalah diwajibkan untuk bersekolah, iaitu dalam darjah Pra di sekolah-sekolah rendah Kerajaan (yang mana sebelum ini, mereka ini tidak diwajibkan bersekolah).

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa atau penjaga untuk memberikan kerjasama bagi memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi mereka yang masih dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Sementara itu, mana-mana pelajar yang dalam lingkungan Akta Pendidikan Wajib, iaitu mereka yang berumur 5 hingga 14 tahun (sebelum mencapai 15 tahun), dan yang telah lama tidak menghadiri sesi persekolahan atas sebab-sebab tertentu, pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan mereka untuk mendaftar atau melapor dan menghadiri sesi persekolahan dengan berhubung terus ke sekolah masing-masing atau Jabatan Sekolah-Sekolah melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar di talian +6737413059 yang beralamat di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Tingkat 5, Jabatan Sekolah-Sekolah, Bangunan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.



Pelita Brunei

# ...Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa...

## Daerah Brunei dan Muara



>> Muka 1

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Kempen Hari Bertindak (DOA) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' dilaksanakan secara serentak di keempat-empat daerah bermula hari ini hingga 31 Januari 2024 hadapan.

Majlis Pelancaran dan Penghargaan Kempen DOA diadakan di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir menyertai aktiviti Kempen DOA di Daerah Brunei dan Muara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi dalam alu-aluannya menyatakan, KKBS, melalui JBS, sekali lagi dapat mengungkayahkan Kempen DOA atau dikenali juga sebagai Day of Action bagi tahun ini. Inisiatif ini dilaksanakan bersempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi Tahun 2023.

Hari Sukarelawan Antarabangsa atau International Volunteer Day, lazimnya disambut pada setiap 5 Disember di seluruh dunia. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah turut serta meraikannya, sejak tahun 2012 lagi. Adapun tema Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa pada tahun ini ialah 'Andai Semua Orang Melakukannya' atau dalam bahasa Inggeris 'If Everyone Did'. Tema ini memberikan isyarat ataupun indikasi bahawa betapa tindakan secara kolektif dari semua peringkat masyarakat, dalam kerja-kerja sukarela mampu memberikan impak yang lebih luas dan mampan khususnya dalam pembangunan masyarakat, bangsa dan negara.

Kempen DOA adalah merupakan salah satu inisiatif berterusan KKBS melalui JBS dalam rangka meraikan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Ia mula diungkayahkan pada tahun 2015 dan bertujuan untuk mengalakkan lagi penglibatan secara aktif semua lapisan masyarakat dalam kerja-kerja sukarela.

"Kempen DOA pada tahun ini diisikan dengan beberapa pengisian iaitu pertama Festival Sukarelawan yang telah bermula pada 6 hingga 10 Disember 2023 bertempat di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

"Keduanya, pada pagi ini, iaitu Majlis Pelancaran dan Penghargaan Kempen DOA, yang akan diserikan dengan penyampaian penghargaan kepada lima Trailblazers dan lima Highflyers Aplikasi Mengalinga bagi Sesi Tahun 2022 / 2023; penyampaian sijil kepada para peserta Program Sukarelawan ASEAN 2023; dan penyampaian sijil penghargaan kepada penaja-penaja Kempen Hari Bertindak Tahun 2023; perlepasan Konvoi Vespa menghantar barang-barang bantuan; dan lawatan serta menyertai aktiviti-aktiviti sukarela.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran dan Penghargaan Kempen DOA diadakan di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas kiri dan atas).**

"Selanjutnya yang ketiga ialah Maraton Aktiviti Sukarelawan yang mana telah bermula pada 20 November 2023 dan akan berakhir pada 31 Januari 2024 yang akan datang. Alhamdulillah, Maraton Aktiviti Sukarelawan mendapat sambutan yang sangat baik di mana setakat ini sebanyak 106 pendaftaran aktiviti sukarela telah direkodkan, " tambahnya lagi.

Dayang Zainab selaku Pengerusi Bersama Majlis mengongsikan mengenai perkembangan aplikasi Mengalinga iaitu satu platform digital bagi mendaftarkan tawaran program dan kegiatan sukarela dari organisasi-organisasi di seluruh Brunei Darussalam.

Sejak ia mula dilancarkan pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-16 pada 7 Ogos 2021 yang lalu, Aplikasi Mengalinga telah merekodkan seramai 3,711 orang sukarelawan 148 organisasi dan sebanyak 437 projek.

"Kita semua amatlah berharap, semoga dengan adanya Kempen Hari Bertindak, aplikasi Mengalinga dan apa jua inisiatif-inisiatif lain seumpamanya, akan dapat meningkatkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat di negara ini dan seterusnya dapat membentuk serta melahirkan sebuah masyarakat yang prihatin dan memiliki semangat perpaduan yang tinggi,"ujarnya lagi.

Pada majlis pelancaran itu, Yang Berhormat juga menyampaikan sijil penghargaan kepada lima Trailblazers Aplikasi Mengalinga bagi Sesi 2022-2023 dan juga lima Highflyers Aplikasi Mengalinga bagi sesi 2022-2023.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya juga menyampaikan sijil kepada peserta-peserta Program Sukarelawan ASEAN 2023 dan penaja-penaja Kempen DOA 2023.

Selain itu, sebanyak lima Highflyers berkenaan telah menerima sijil, plak dan wang dalam bentuk *mock cheque* iaitu Green Brunei adalah Highflyers pertama menerima wang tunai sebanyak BND1,500, Highflyers kedua ialah Young Professional Network dengan menerima wang tunai sebanyak BND1,250, Sukarelawan Belia COVID-19 merupakan Highflyers ketiga yang menerima wang tunai BND1,000, tempat keempat Highflyers Majlis Belia Brunei yang menerima wang tunai BND750 dan tempat kelima Highflyers menerima wang tunai sebanyak BND500 ialah Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Selesai acara perasmian, Yang Berhormat dan rombongan diiringi untuk melawat Pameran Sukarelawan dan seterusnya melancarkan Kempen DOA dengan pelepasan Konvoi Vespa yang menghantar barang bantuan kepada orang-orang yang memerlukan di Kampung Katok dan Kampung Tungku.

Bagi memeriahkan lagi acara, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan di sekitar kawasan Hub Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas seperti Pameran Sukarelawan, Aktiviti Perkhidmatan Gunting Sukarela, Aktiviti Canvas Kitani dengan Hashtag #ifeveryone did, Aktiviti Peduli Kucing, Pameran Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) daripada Bank Baiduri dan lawatan ke ASEAN Volunteer Programme, aktiviti *memperbisaikan* Taman Budiman iaitu menanam bunga dan mengecat pasu serta lain-lain aktiviti.

Di samping itu, Bengkel Aplikasi Mengalinga diadakan secara virtual serentak di antara keempat-empat daerah melalui Pusat-pusat Belia.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini bertujuan untuk menyediakan platform untuk mengumpulkan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan semangat kesukarelawanan serta menjadi lambang perpaduan dan usaha di pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Objektif utama sambutan antara lain untuk mengadakan Kempen DOA bagi mengumpul dan memantau program kesukarelawanan di samping mengadakan jerayawara untuk memberi kefahaman tentang konsep kesukarelawanan dan memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja sukarela.

KKBS mengalu-alukan penyertaan para belia untuk mengikuti pelbagai aktiviti kesukarelawanan di empat-empat daerah. Bagi sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi talian +673 2381903 sambungan 1304 atau menghantar e-mel ke *ivdbn.jbs@gmail.com* atau Instagram *@dayofaction.brunei.*





**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyempurnakan pelepasan Konvoi Vespa yang menghantar barang bantuan kepada orang-orang yang memerlukan (atas), manakala gambar kiri, Yang Berhormat semasa menyiram pokok bunga.**

# ...Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa...



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat menyertai senamrobik dan seterusnya mengikuti aktiviti menanam anak pokok (atas dan kanan).

## Daerah Temburong



**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**TEMBURONG**, Ahad, 10 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik untuk sukarelawan dan organisasi meraikan usaha mereka, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada keamanan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dalam program pembangunan.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) mengadakan Kempen Hari Bertindak (Day of Action - DOA) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula hari ini, 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

Di Daerah Temburong, Aktiviti Kempen DOA bermula di Dewan Kemasyarakatan Belalong.

Hadir selaku tetamu kehormat adalah Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Terdahulu, acara dimulakan dengan sesi senamrobik diikuti dengan aktiviti menanam anak pokok.

Tetamu kehormat dan rombongan seterusnya mengunjungi Bengkel Aplikasi Mengalinga yang diadakan secara virtual sebelum meneruskan aktiviti Kempen Kebersihan di kawasan Masjid Utama Mohammad Salleh Bangar, membersihkan Tanah Perkuburan Semamang, Temburong dan diakhiri dengan aktiviti membersihkan Masjid Batu Apoi.

Antara lain objektif utama sambutan adalah untuk mengadakan Kempen DOA bagi mengumpul dan memantau program kesukarelawanan di samping mengadakan jerayawara untuk memberi kefahaman tentang konsep kesukarelawanan dan memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja sukarela.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat semasa Aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) yang berlangsung di Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Belait (atas dan atas kanan).

## Daerah Belait





ANTARA aktiviti yang diadakan.

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**KUALA BELAIT**, Ahad, 10 Disember. - Dalam menyediakan platform bagi mengumpulkan masyarakat Negara Brunei Darussalam sebagai usaha pembangunan semangat kesukarelawanan, Kempen Hari Bertindak (DOA) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 turut diadakan di daerah ini sehingga 31 Januari 2024.

Dengan tema 'If Everyone Did Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya', sambutan juga bertujuan bagi mengumpul dan memantau program kesukarelawanan di samping mengadakan jerayawara untuk memberi kefahaman tentang konsep kesukarelawanan serta memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja sukarela.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa Aktiviti Kempen DOA yang berlangsung di Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Belait, di sini ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail.

Pada acara tersebut, tetamu kehormat dan rombongan menyaksikan Klinik Belajar Violin daripada KD & Arts Academy serta menyaksikan Aktiviti Asas Anyaman Bakul daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) Melilas.

Acara juga turut diisikan dengan Bengkel Aplikasi Mengalinga secara virtual.

Mengambil tempat di Dewan Bahasa dan Pustaka Kampung Pandan, turut diadakan seminar dan bengkel pembentukan jaringan dan peluang perniagaan bagi pengusaha-pengusaha tempatan di Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Persatuan Perempuan (PKP) Daerah Belait dan Majlis Perundingan Kampung Pekan Kuala Belait.

Sementara itu, beberapa aktiviti juga diadakan di Kompleks Sukan Mumong iaitu Latihan Renang Kanak-kanak yang dikendalikan oleh KB Piranha Swimming Team, Aktiviti Program Grassroot Coaching and Mini Grassroot Tournament (Small Sided Games) yang dikendalikan oleh HAWA Academy di bawah gabungan Pertubuhan Bola Sepak Daerah Belait, Aktiviti Workout for Health daripada Mayhem Gym serta Demonstrasi Persilatan daripada Pertubuhan Seni Warisan Pelangi Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan penyertaan para belia untuk mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang disediakan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi talian +673 2381903 sambungan 1304 atau menghantar e-mel ke *ivdbn.jbs@gmail.com* atau Instagram *@dayofaction.brunei*.

PELITA BRUNEI

# MAJLIS MALAM GALA RAIKAN PESERTA BIIBBF KE-21

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Disember. - Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (Borneo Island International Big Bike Festival-BIIBBF) Ke-21 bagi Tahun 2023 disertai oleh lebih 700 peserta terdiri daripada para penggemar motosikal berkuasa tinggi dari seluruh pelosok Kepulauan Borneo.

Bagi meraikan para peserta BIIBBF Ke-21, Majlis Malam Gala telah diadakan bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Yang Dipertua Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) selaku Penasihat BIIBBF Ke-21, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan festival yang berprestij ini adalah festival motosikal berkuasa tinggi yang tertua dianjurkan di Negara Brunei Darussalam dan bahkan di Kepulauan Borneo.

Pada tahun ini katanya, pengisian perancangan serta perlaksanaan yang telah disusun atur adalah sangat unik dan berbeza.





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Gala bagi Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-21 (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

"Pendekatan All In One yang merangkumi Sejarah Brunei, Budaya Brunei, Falsafah Brunei di samping Asas Keselamatan Bermotosikal, Mendukung Sektor Pelancongan, Mendukung Pengusaha Kecil dan Sederhana," tambahnya.

Acara kemudian diteruskan dengan majlis penyampaian anugerah kepada seramai enam penerima Anugerah BIIBBF Legend yang disampaikan oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan penyerahan bendera BIIBBF.

Penyerahan bendera BIIBBF disempurnakan oleh Pengiran Haji Redzuan, yang diserahkan kepada Presiden Sabah Big Bikers Association (SBBA), Mohd. Adnan Rosdin bin Haji Mohd. Ariff selaku penganjur BIIBBF Ke-22 di Sabah bagi Tahun 2024.

Tetamu kehormat kemudiannya menerima cenderahati berupa plak yang disampaikan oleh Pengiran Haji Redzuan.

Terlebih dahulu bagi memberkati majlis, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Abdul Muiz bin Haji Awang Damit.

Majlis Malam Gala BIIBBF Ke-21 turut diserikan dengan persembahan tarian tradisional yang dipersembahkan oleh Gentara Begawan dan seni silat daripada wakil ahli PEMODA.

Bermula pada tahun 1998, festival motosikal berkuasa tinggi yang berprestij dan terbesar di kepulauan Borneo ini bertujuan untuk mempromosikan pelancongan di Negara Brunei Darussalam serta kepulauan Borneo di peringkat antarabangsa.

Ini merupakan kali keenam Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah BIIBBF yang mana festival tersebut adalah anjuran bersama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan PEMODA, juga bersempena Festival Disember Brunei (BDF).

Penganjuran festival tersebut adalah secara bergilir-bergilir mengikut negeri dan wilayah di kepulauan Borneo melalui kelab-kelab induk yang dilantik iaitu LA Riders, Labuan; SBBA, Sabah; Ikatan Motosikal Besar Indonesia (IMBI) Pontianak, Kalimantan, Borneo Island Big Bikers (BIBB) Kuching, Sarawak; dan PEMODA, Negara Brunei Darussalam.

BIIBBF merupakan festival motosikal berkuasa tinggi yang terbesar di seluruh Kepulauan Borneo yang menyatukan penggemar-penggemar motosikal berkuasa tinggi di Borneo, nusantara dan antarabangsa.

## ...Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa...

### Daerah Tutong





**BAGI Daerah Tutong, aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) berlangsung di Kompleks Sukan Tutong dan dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS (atas kanan), manakala gambar atas, Pemangku Setiausaha Tetap KKBS semasa menanam pokok bunga.**

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUTONG**, Ahad, 10 Disember.- Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) pagi tadi mengadakan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan tema 'If Everyone Did Kerja Sukarela, Andai Semua Orang Melakukannya' yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Tutong, aktiviti Kempen Hari Bertindak (DOA) berlangsung di Kompleks Sukan Tutong dan dihadiri oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakhbar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan pelepasan kenderaan pacuan empat roda yang menghantar bantuan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di Daerah Tutong dan Belait.

Tetamu kehormat dan rombongan seterusnya bergerak ke kawasan bangunan Pusat Belia Tutong bagi mengikuti aktiviti sesi senamrobik sebelum meneruskan aktiviti menanam pokok bunga bersama Penggerak Belia IMPAK Tutong dan para sukarelawan.

Setelah itu, aktiviti mengecat Pondok bagi Bangunan Bunga Cempaka Bersaudara turut disertai oleh tetamu kehormat dan rombongan, sebelum beredar ke Lamin Warisan di Kampung Tanjung Maya bagi menyaksikan tatacara membuat pulut panggang.

Tetamu kehormat dan rombongan seterusnya meneruskan aktiviti melawat pameran daripada Angkasa Oud, Kampung Tanjung Maya dan selepas itu mengikuti aktiviti INFAQ di Masjid Kampung Tanjung Maya bersama Majlis Perundingan Kampung berkenaan dan kemudian melawat ke Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang disambut oleh Persatuan Bulan Sabit Merah bagi menyaksikan kegiatan-kegiatan PKWE, Tutong.

Acara kemudiannya diakhiri dengan melawat bengkel aplikasi bagi menyaksikan Bengkel Aplikasi Mengalinga yang diadakan secara *virtual* di Pusat Belia Tutong.

Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun. Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik untuk sukarelawan dan organisasi dalam meraikan usaha mereka, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada keamanan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dalam program pembangunan.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini bertujuan untuk menyediakan platform untuk mengumpulkan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan semangat kesukarelawanan, serta menjadi lambang perpaduan dan usaha di pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Antara lain objektif utama sambutan adalah untuk mengadakan Kempen Hari Bertindak bagi mengumpul dan memantau program kesukarelawanan di samping mengadakan jerayawara untuk memberi kefahaman tentang konsep kesukarelawanan dan memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja sukarela.

Sehubungan dengan itu, KKBS mengalu-alukan penyertaan para belia untuk mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawan yang telah pihak urus setia majlis sediakan ke empat-empat daerah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi talian 2381903 sambungan 1304 atau menghantar e-mel ke *ivdbn.jbs@gmail.com* atau Instagram *@dayofaction.brunei*.

# Majlis Qalbun Salim : Meraikan pencapaian golongan OKU

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

**MANGGIS / MADANG**, Sabtu, 9 Disember. - Bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) petang tadi mengadakan Majlis Qalbun Salim bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPD), Kampung Manggis / Madang, di sini.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis yang berkebajikan ini adalah sebagai melahirkan rasa syukur dan salah satu tanda penghargaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang meraih pencapaian dalam perkembangan masyarakat.

Lebih kurang 200 orang menghadiri majlis tersebut yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid SSBRPD, Kampung Manggis/ Madang, Awang Muhd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani dan diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Syukuri Anugerah Ilahi' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Antara inti pati tazkirah khas berkenaan adalah menjelaskan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak pernah menyisihkan hamba-hamba-Nya sama ada dilahirkan sempurna ataupun yang dilahirkan dengan kelainan upaya melainkan melihat kepada hati dan amalan mereka.

Bahkan, Islam juga mengajar supaya menyantuni OKU dalam semua hal sama ada urusan duniawi ataupun ukhrawi lebih-lebih lagi dalam perihal ibadah.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Qalbun Salim.

Majlis seterusnya diselajurkan dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Doa Kesyukuran Khas OKU, Doa Memohon Kepada Allah Supaya Terhindar Daripada Wabak COVID-19 dan Doa Keselamatan Untuk Rakyat Dan Negeri Palestin.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Muhd. Khaizuran Amali.

Pada majlis keagamaan berkenaan juga dijemput seorang Juru Alih Bahasa Isyarat, Awang Aziz bin Assan dari Persatuan Bahasa Isyarat-Juru Alih bahasa Kitani (BI-JAK) bagi menggalakkan masyarakat yang inklusif maklumat terutama kepada golongan OKU Pendengaran.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli-ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya dan persatuan-persatuan di bawahnya serta rakan-rakan strategik KKBS.

# PERWAKILAN NBD TERIMA 3 ANUGERAH MERIT




YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan peserta Merit Awards serta delegasi NBD di Dewan Ketibaan, LTAB.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Disember. - Para perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) menerima tiga anugerah Merit di 22nd Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards 2023 yang berlangsung di Hong Kong pada 5 hingga 8 Disember 2023.

Ma'had Islam Brunei menerima dua anugerah Merit di bawah Kategori Sekolah Rendah dengan produk yang dinamakan 'Brugency' dan 'Mr Grabbish', manakala ODE Aquacultre and Agriculture Company Sdn. Bhd. menerima anugerah Merit di bawah Kategori Teknologi - Internet of Things of the Year dengan produk yang dinamakan 'Alquatic Tech'.

Hadir di Dewan Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan peserta Merit Awards serta delegasi NBD ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu Brunei ICT Awards (BICTA) 2023; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar, pegawai-pegawai kanan dari MTIC, KHEU, Universiti Teknologi Brunei (UTB), AITI dan InfoCom Federation Brunei (IFB).

Sejurus ketibaan para delegasi di LTAB, bacaan Doa Kesyukuran dipimpin Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohamad Aduka bin Haji Abdul.

Sejumlah 200 kumpulan daripada 16 ahli ekonomi dengan lebih 250 penyertaan telah ikut serta bertanding di bawah dua 24 kategori di dalam APICTA Awards 2023.

NBD diwakili oleh sembilan kumpulan dengan 10 produk yang terdiri dari para pemenang dan naib juara BICTA 2023.

Di sepanjang pertandingan tersebut, peserta APICTA menjalani beberapa sesi penghakiman yang intensif dengan panel hakim yang terdiri dari pakar industri ICT antarabangsa, ahli akademik dan perwakilan dari sektor kerajaan.

Para peserta juga berpeluang mempelajari budaya tempatan dan dalam masa yang sama mengeratkan rangkaian dengan rakan pemain industri ICT dan pesaing dalam kalangan ahli ekonomi APICTA.

NBD turut diumumkan sebagai Tuan Rumah bagi 23rd APICTA Awards yang akan berlangsung pada tahun 2024.

Hadir bagi menerima penyerahan Tuan Rumah bagi APICTA 2024 ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Awang Haji Hairul Mohd. Daud menerima bendera APICTA daripada Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan, Kerajaan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Ir. Tony Wong, dan Ketua Hakim APICTA 2023, Agnes Mak.

Penyerahan tersebut turut disaksikan oleh Pengerusi APICTA Committee, Fulvio Inserra, serta pegawai-pegawai dari MTIC, AITI dan panel hakim APICTA.

Penyertaan NBD dalam Anugerah APICTA adalah inisiatif berterusan oleh MTIC, AITI dan IFB untuk merangsang inovasi dan kreativiti dalam ICT, di samping untuk membangunkan sektor ICT negara dengan menggalakkan individu, pelajar dan sektor swasta untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Anugerah APICTA telah memberikan para pemenang pengiktirafan antarabangsa dan seterusnya meningkatkan produk mereka di platform global.

# 470 BELIA SERTAI PKBN PENGAMBILAN KE-12





**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), KKBS selaku wakil peribadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 (kiri), manakala gambar kanan, lafaz ikrar daripada pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-12.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**>> Muka 1**

Latihan PKBN katanya akan sentiasa berkembang dan kekal relevan mengikut aliran persekitaran serta suasana ke arah membangun dan melahirkan generasi belia menjadi lebih peka dan bersikap tidak *camah mata* lebih-lebih lagi dengan menghadapi situasi bencana alam atau pandemik yang pernah melanda negara kita sebelumnya.

Ke arah itu, Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan kolaborasi bersama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, julung kalinya memperkenalkan kurikulum Asas Kesiapsiagaan Penyelaras Bencana (Basic Disaster Preparedness Coordinator) semasa latihan PKBN Pengambilan Ke-11 yang lepas.

"Berdasarkan penilaian serta penganalisisan kurikulum ini sewaktu ia mula diterapkan, Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan kolaborasi rakan-rakan strategiknya telah mengambil inisiatif serta usaha yang proaktif khususnya di dalam mengembangkan serta meningkatkan tempoh serta isi kandungan kurikulum ini secara intensif lagi di Pengambilan Ke-12 ini nanti sesuai dengan perkembangan semasa serta persekitaran global ke arah membangun para belia menjadi lebih peka dan bersikap pemedulian, lebih-lebih lagi dengan situasi bencana yang melanda negara sebelum ini, sekarang dan pada masa yang akan datang," jelasnya.



**BACAAN Surah Ali 'Imran ayat 102 hingga 105 yang dibaca oleh 14293 Pelatih Awang Md. Zulhelmi Hashim bin Jainudin dari Platun 1.**

Tambahnya lagi, Bahagian Khidmat Bakti Negara juga telah menaiktaraf aktiviti berenang sebagai kurikulum latihan pada Pengambilan Ke-11 yang lalu di mana aktiviti tersebut hanya diterapkan sebagai salah satu kegiatan riadah serta rekreasi pada pengambilan-pengambilan sebelumnya.

Beliau juga mengongsikan statistik latihan berenang yang telah dicapai semasa PKBN Pengambilan Ke-11 di mana latihan intensif tersebut telah berjaya menghasilkan seramai 277 perenang iaitu 171 orang pemula dalam berenang telah berjaya dilatih untuk mampu berenang dan 106 pelatih telah berhasil menjadi perenang yang mahir.

"Oleh yang demikian, latihan ini telah dijadikan sebagai bahan kurikulum mandatori kepada kesemua pelatih untuk menjadi perenang dan juga melahirkan belia yang mahir berenang," katanya lagi.

Dalam pada itu, Pengiran Mohammad Amirrizal memberikan nasihat kepada para pelatih untuk sentiasa melengkapkan diri dengan menambah baik kemahiran peribadi, berdisiplin dan penuh keyakinan dalam mendukung serta memimpin ke arah pembangunan negara di ambang Wawasan Negara 2035.

Para belia juga diseru untuk sentiasa memperkasakan identiti kebruneian agar dapat menjadi lebih berdikari, berdaya tahan dengan amalan nilai-nilai murni dan akan mampu menangkis anasir serta pengaruh yang buruk atau tidak sealiran dengan konsep Melayu Islam Beraja baik yang wujud pada masa ini sehingga sampai bila-bila pun akan kekal menjadi anak bangsa yang berintegriti dan bermaruah.

Terdahulu majlis dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Keugamaan dan Kerohanian, PKBN Pengambilan Ke-12, Dr. Awang Muhammad Firdaus bin Abu Bakar, dan diikuti bacaan Surah Ali 'Imran ayat 102 hingga 105 yang dibaca oleh 14293 Pelatih Awang Md. Zulhelmi Hashim bin Jainudin dari Platun 1.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah, selaku Pengerusi Majlis, diikuti dengan perasmian PKBN Pengambilan Ke-12 dengan paluan gong dan tayangan video yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS selaku wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seterusnya, persembahan daripada pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 iaitu Lafaz Ikrar, Sorak Program Khidmat Bakti Negara dan menyanyikan Lagu 'Sedia Berbakti'.

Majlis diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan yang dibacakan oleh Dr. Awang Muhammad Firdaus dan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Kampung Piasau-piasau, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS, Ahli-ahli Lembaga Khidmat Bakti Negara, wakil kepada Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, wakil kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pegawai Daerah Temburong, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan serta pegawai dan kakitangan KKBS.

# Mengajar peserta atasi rintangan dengan keberanian

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BELAIT,** Ahad, 10 Disember. - Seramai 180 peserta dari tiga buah Institut Pengajian Tinggi dan 16 sekolah menengah dan swasta termasuk 28 Guru Pengawas Kadet Polis mengikuti Program Perkhemahan Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei (PDB) bagi institut pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan pendidikan swasta senegara kali ke-38.

Program yang diadakan selama empat hari bermula dari 4 hingga 7 Disember 2023 di Taman Rekreasi Pantai Lumut, berakhir dengan Majlis Penutup Perkhemahan yang diadakan pada 7 Disember 2023 yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Haji Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan PPDB dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Program tersebut adalah projek kegiatan tahunan Pasukan Kadet Polis di bawah Pusat Latihan Polis, PPDB dengan anjuran bersama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Aktiviti perkhemahan meliputi aspek rohani, akademik, fizikal dan kemasyarakatan.

Selain itu, ia juga dihasrat akan dapat menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreatif pelajar, menyemai dan memupuk rasa kekitaan dan semangat berpasukan dan perpaduan di antara ahli melalui kegiatan berkumpulan atau berpasukan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang empat hari perkhemahan adalah meliputi program keagamaan dan kerohanian, ceramah motivasi, penghayatan jati diri Brunei, kempen kebersihan, perlawanan sukan bola jaring, bola tampar, bulu tangkis dan tarik kalat, serta sambutan malam kebudayaan.

Selain itu, ahli kadet juga didedahkan dengan beberapa aspek kepolisan melalui taklimat undang-undang dan keselamatan dan melalui aktiviti seperti




**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei bergambar ramai pada Majlis Penutup Perkhemahan Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei.**

berkawad, menjalankan rondaan dan kawalan malam serta pengawasan kejiranan.

Pada acara tersebut, tetamu kehormat dalam ucapannya menekankan program tersebut dapat mengajar para peserta untuk menghadapi cabaran dengan tabah dan mengatasi segala rintangan dengan keberanian.

Dalam masa yang sama katanya, ia juga memupuk persahabatan dalam kalangan para peserta dari sekolah dan latar belakang yang berlainan, menekankan nilai-nilai kejiranan, solidariti, menyumbang kepada masyarakat dan menjadi warga bertanggungjawab.

# YEC2023 meriahkan cuti persekolahan






**PELANCARAN Year End Celebration 2023 (YEC2023) sempena Festival Disember Brunei (BDF) disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Starbugs Event Management**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Disember. - Pelbagai aktiviti, jualan serta permainan bagi kanak-kanak disediakan bagi kunjungan orang ramai sepanjang berlangsungnya acara Year End Celebration 2023 (YEC2023) sempena Festival Disember Brunei (BDF) yang bermula hari ini hingga 31 Disember 2023 bertempat di Open Plaza, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dianjurkan oleh Starbugs Event Management dengan sokongan Brunei Tourism dan Management Yayasan SHHB Complex, YEC2023 ini disertai oleh lebih 30 peserta dari dalam dan luar negeri.

Pelancarannya disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Festival berkenaan dimeriahkan lagi dengan dua permainan baharu iaitu Giant Lolipop Swing dan Car Go Round.

Sementara itu, kereta api elektrik juga turut menjadi tarikan kepada pengunjung, perjalanan kereta api bermula dari Open Plaza sehingga tapak horizon.

Salah satu tarikan pada festival tersebut ialah jualan makanan dan masakan dari Turkish seperti baklava, Kunafa dan sebagainya.

Selain itu produk tempatan juga turut diperkenalkan seperti hidangan ambuyat.

Pelbagai aktiviti turut diadakan seperti aktiviti untuk kanak-kanak dan riadah. Turut disediakan termasuk permainan kanak-kanak *grab and win coupon* di dalam giant *bubble*, menang *spin wheel*, bouncer, *facepainting* dan bermacam-macam lagi.

Acara ini diadakan adalah bertujuan untuk memeriahkan lagi cuti penggal akhir persekolahan bagi tahun 2023.

YEC2023 juga memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil di Negara Brunei Darussalam untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir ke YEC2023 yang dibukakan bermula dari jam 3.00 petang sehingga 10.00 malam.

# BSM, QAF METERAI KERJASAMA, KEMBANGKAN INDUSTRI EV



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menaiki sebuah kereta pada majlis berkenaan (atas dan bawah kanan). Sementara gambar bawah, Pengarah Urusan BSM, Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil dalam ucapan alu-aluannya.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**JERUDONG,** Sabtu, 9 Disember. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. (Brunei Shell Marketing - BSM) dan QAF Auto Sdn. Bhd. akan bekerjasama untuk memenuhi peningkatan penggunaan Kenderaan Elektrik (EV) di negara ini.



Dengan komitmen bersama untuk menggalakkan kemampanan dan inovasi, kerjasama tersebut bertujuan untuk menawarkan sokongan menyeluruh kepada pemilik EV dalam memenuhi keperluan pengecasan mereka sambil memudahkan peralihan negara kepada masa depan yang lebih bersih dan hijau.

Sehubungan itu, Majlis Menandatangani Kontrak di antara Shell Recharge & BMW diadakan semasa Ekspo Mobiliti Pintar Brunei (Brunei Smart Mobility Expo) selama tiga hari, berlangsung di Dewan BRIDEX 1, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan kontrak tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar, juga selaku Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Bersama Kenderaan Elektrik (EVJTF).

Sebagai sebahagian daripada kerjasama berkenaan, pemilik BMW EV akan mempunyai pengalaman sehenti, mempunyai akses kepada pemasangan pengecasan di rumah dan perkhidmatan pemasangan yang mengikut piawaian keselamatan global.

Mereka juga akan dapat menggunakan pengecasan Shell Recharge yang ada pada ketika ini dan tempat pengecasan masa hadapan, di mana pengecas pantas pertama di negara ini terletak di stesen IBA Lambak.

Semasa Ekspo Mobiliti Pintar Brunei, BSM juga akan mempamerkan pengecas AC 7-22KW yang boleh dipasang di kediaman untuk pengecasan semalaman.

Pengarah Urusan BSM, Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil dalam ucapan alu-aluannya berkata, perkongsian tersebut hanyalah permulaan daripada apa yang dirancangkan untuk masa depan penggunaan EV yang mampan.

Tambahnya, mereka juga mengalu-alukan pengedar EV lain mempertimbangkan kerjasama.




**MAJLIS Menandatangani Kontrak di antara Shell Recharge & BMW.**

Dengan Shell Recharge, BSM akan menawarkan pelbagai penyelesaian pengecasan kepada pemandu EV cara mudah untuk mengecas kereta mereka di mana sahaja dan juga di rumah.

Ini adalah tambahan kepada rangkaian bahan api berkualiti yang akan terus ditawarkan oleh BSM kepada para pemandu di tapak-tapak perniagaan di seluruh negara.



# BAHAS MUHIBBAH 2023 : MENGETENGAHKAN TOPIK PENDIDIKAN INKLUSIF

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad





MEJAR Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat pada Bahas Muhibbah 2023 (kanan). Manakala gambar kiri, antara sesi perdebatan pada pertandingan berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Disember. - Dayang Khadiijah binti Mazalan dari Madrasah Alsagoff Al-Arabiah Singapura dinobatkan sebagai Pembahas Terbaik dan Pasukan Pencadang muncul sebagai pemenang pada Bahas Muhibbah 2023, yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Berangkat pada majlis tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hamlatul Arsy Mulia binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Debat Bahasa Melayu memupuk kerjasama antara Brunei Darussalam dan Singapura ini adalah usaha bersama Curious Playgrounds dan Persatuan Sasterawan Belia Melayu 4PM.

Pada tahun ini, 12 pelajar menyertai Bahas Muhibbah dalam pertukaran idea. Seramai lapan peserta daripada Pusat Tingkatan Enam Meragang dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Ia juga turut dianggotai lima pendebat Akademi Bahas Singapura yang kini belajar di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dan Politeknik Ngee Ann serta bekas pelajar Institusi Raffles.

Debat itu menampilkan dua pasukan yang terdiri daripada pendebat Brunei Darussalam dan Singapura.

Bertemakan 'Pendidikan inklusif ialah impian yang boleh dicapai' (Pendidikan inklusif adalah impian yang boleh dicapai), perbahasan ini bertujuan untuk menangani topik pendidikan inklusif yang mengiktiraf hak semua pelajar untuk pengalaman pembelajaran yang menghormati kepelbagaian, membolehkan penyertaan, menghapuskan halangan dan menjangka serta mempertimbangkan pelbagai keperluan dan keutamaan pembelajaran.

Sebelum perbahasan, kedua-dua pasukan iaitu Pencadang (Proposisi) dan Penyanggah (Pembangkang) diberi tempoh dua minggu untuk menyediakan kes masing-masing sebelum naik ke pentas bertanding.

Pasukan dinilai berdasarkan ketepatan bahasa, kandungan dan penggunaan strategik semasa perbahasan.

Pertandingan debat antara negara Brunei-Singapura telah dibimbing dan diadili oleh ahli akademik dari Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama daripada pertubuhan sosial tempatan, termasuk Day of Action, Kempen Hari Bertindak, Sukarelawan Belia, Young Professionals Network Brunei dan Maklis Belia.

# Timba ilmu mengenai institusi sejarah, kesultanan Brunei



PARA peserta BIIBBF Ke-21 semasa bergambar ramai (kiri). Manakala gambar bawah kiri, acara pelepasan konvoi disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Disember. - Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (Borneo Island International Big Bike Festival - BIIBBF) Ke-21 bagi Tahun 2023 meneruskan lagi acaranya pada hari ini dengan Multaqa Melayu Islam Beraja yang diadakan di Pusat Sejarah Brunei (PSB).

Pada majlis itu, para peserta BIIBBF Ke-21 mendengarkan Taklimat Sejarah yang disampaikan oleh Pengetua PSB, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Objektif program adalah untuk menyebarluaskan peranan dan fungsi PSB sebagai institusi sejarah dan kesultanan Brunei selaras dengan pencapaian sasaran jabatan iaitu sebagai pusat kecemerlangan sejarah dan kesultanan Brunei serta salah satu kaedah atau pendekatan baharu untuk memberikan informasi sejarah kepada masyarakat Brunei dan Borneo khususnya golongan belia tentang nilai-nilai dan kepentingan mempelajari, memahami dan menghayati sejarah.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk melestarikan sejarah melalui Taklimat Sejarah Awal Hubungan Brunei dengan Borneo selaras dengan matlamat penubuhan PSB untuk mendekatkan sejarah kepada masyarakat, serta mendorong dan menggalakkan masyarakat di negara ini untuk sama-sama mengamalkan budaya hidup sihat dan beriadah.

Program berkonsepkan pembelajaran, bersantai dan bersilaturahim itu juga merupakan satu tarikan baharu dalam membarigakan sejarah dan kesultanan Brunei dengan lebih menarik dan mudah difahami di samping menanam dan menguatkan lagi semangat cinta dan taat setia kepada raja, agama, negara dan bangsa.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian plak yang disempurnakan oleh Naib Yang Dipertua PEMODA selaku Pengerusi BIIBBF Ke-21, Awang Mohamad Shahrin bin Shahbuddin kepada Dr. Muhammad Hadi.

Terlebih dahulu sebelum taklimat dijalankan, para peserta BIIBBF Ke-21 juga berpeluang membuat lawatan di Galeri Pusat Sejarah.

Setelah itu, para peserta BIIBBF Ke-21 meneruskan acara dengan 'Green Heart of Borneo Ride' yang melibatkan lebih 500 penunggang motosikal berkuasa tinggi dari seluruh pelosok kepulauan Borneo.

Acara pelepasan konvoi disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Dr. Haji Ramlee bin Haji Tinkong.

Konvoi 'Green Heart of Borneo Ride' bermula di kawasan lapang berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja, diketuai oleh Ketua Marshal PEMODA bagi BIIBBF Ke-21, Pengiran Haji Redzaini bin Pengiran Haji Ahmad.

Turut serta dalam konvoi tersebut ialah Yang Dipertua PEMODA selaku Penasihat BIIBBF Ke-21, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad dan presiden-presiden kelab-kelab induk BIIBBF.

Konvoi merentasi ibu negara, seterusnya menyusuri Jalan Kota Batu, melintasi mercu tanda Brunei iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) bagi menuju ke Daerah Temburong dan melimpasi pusing keliling Monumen Bandarku Permata Hijau Temburong.

Perjalanan sejauh 80 kilometer itu mengambil masa kira-kira satu jam setengah dan berakhir di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



## سروان سوچي

# جاڠن مڠخياناتي أمانه يڠ تله دڤرتڠڬوڠجوابكن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن منيڠڬلكن كإيمانن كڤدث. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠي الله سبحانه وتعالى، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله دڠن إذن الله سبحانه وتعالى، كيت داڤت بركومڤول لاڬي دهاري جمعة يڠ مليا اين ملاكوكن عباده دسمڤيڠ منجالني كهيدوڤن سهارين كيت سرت ملقسناكن ڤكرجأن دان أمانه يڠ تله دڤرتڠڬوڠجوابكن كڤد كيت.

سباڬي أومت إسلام، كيت هندقله ممستيكن بهاوا اڤ ڤون ڤكرجأن يڠ كيت لاكوكن ايت تيدق برچڠڬه دڠن أكام إسلام دان ڤراتورن اتوڤون اوندڠ-اوندڠ دنڬارا اين. اين ترماسوقله اڤبيل كيت منجالنكن كواجڤن كيت سباڬي ڤكرجا سام اد دسيكتور عوام ماهوڤون دسيكتور سواستا، سام اد ممڬڠ جاوتن تيڠڬي اتوڤون سباليقڽ.

اڤبيل كيت بكرجا، برمعنى كيت اداله ڤمڬڠ أمانه. دڠن جاوتن يڠ كيت ساندڠ، كيت دبري كواس دان كڤرچيأن دالم منجالنكن توڬس دالم اوسها انتوق منچاڤاي أوبجيكتيف، ميسي دان ۏيسي جابتن، كمنترين اتو شريكت ماسيڠ-ماسيڠ. دڠن كواس يڠ اد، كيت ڤرلو منجالنكن تڠڬوڠجواب دڠن إخلاص، جوجور دان أمانه سرت ڤنوه ددايكاسي، كوميتد، تلوس، عادل دان سقسام. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الأنفال أية ٢٧:

**واهي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! جاڠنله كامو مڠخياناتي الله دان رسولڽ دان جاڠنله كامو مڠخياناتي أمانه-أمانه (يڠ دأمانهكن كڤد) كامو سداڠ كامو مڠتهوي.**

اڤبيل كيت ممڬڠ كواس دالم ساتو-ساتو ڤكرجأن، مك كيت هندقله منجالنكن دان ملقسناكن كواس ترسبوت سلارس دڠن ڤروسيدور، تاتاچارا، ڤراتورن دان اوندڠ-اوندڠ يڠ تله دتتڤكن. سسڠڬوهڽ كواس ترسبوت تيدق بوليه سويڠ-ويڠڽ دسالهڬونا اتو دڤرلاكوكن انتوق كڤنتيڠن ديري سنديري. اين كران سكيراث كواس ايت دسليويڠكن اتو دڬوناكن انتوق ملڠڬر ڤراتورن يڠ تله دتتڤكن انتوق كڤنتيڠن ديري سنديري اتو انتوق اورڠ-اورڠ ترتنتو سهاج، مك اينله يڠ دكاتكن ساله ڬونا كواس.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت سباڬي أومت إسلام سنتتوث تاهو بهاوا ڤربواتن ساله ڬونا كواس اين مروڤاكن ساتو ڤربواتن يڠ دلارڠ دالم أكام كيت. مانكلا دري سكي ڤرسڤيكتيف اوندڠ-اوندڠ ڤول، ساله ڬونا كواس اين مروڤاكن ساتو كسالهن جنايه. انتارا كسالهن يڠ بركايتن دڠن ساله ڬونا كواس اين اداله سڤرتي رشواه دان ڤچه أمانه.

سسڠڬوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ ملاكوكن جنايه ساله ڬونا كواس اين اداله اورڠ يڠ ممنتيڠكن ديري سنديري. مريك مڠڬوناكن كواس دان جاوتن مريك سباڬي ليسين انتوق منداڤتكن كسنڠن ديري سنديري اتو انتوق اورڠ يڠ ترتنتو دڠن جارا يڠ ساله. ساله ڬونا كواس جوڬ دأڠڬڤ سباڬي ڤربواتن يڠ ظالم.

دري ڤرسڤيكتيف ڤرخدمتن عوام ڤول، ڤنجاوت عوام يڠ مپالهڬوناكن كواس مريك بوليه منجحسكن كڤرچيأن اورڠ رامي دان اين ممبري إيمڤق يڠ بوروق كڤد نڬارا. اين كران ڤنجاوت عوام سڤاتوتڽ مڠڬوناكن كواس دان أمانه يڠ تله دڤرتڠڬوڠجوابكن كڤد مريك انتوق منجالنكن توڬس دان ممبريكن ڤرخدمتن دڠن عادل دان تيدق مڠمبيل كسمڤتن. كراجأن ملنتيق دان ممبري جاوتن انتوق منجالنكن توڬس دمي بڠسا، نڬارا دان أكام انتوق كباجيقن دان كسجهترأن مشاركت. بوكن انتوق كڤنتيڠن ديري سنديري.

انتارا جونتوه ساله ڬونا كواس اداله سڤرتي مريك يڠ ممڬڠ جاوتن تيڠڬي ممبري ارهن سسوكا هاتي كڤد اورڠ باوهن اتو ڤڬاوي دري جابتن لاين انتوق ملاكوكن سسواتو يڠ ملڠڬر ڤروسيدور كرجا انتوق كڤنتيڠن ديري سنديري.

سلاين ايت، هاث كران ڤڠكت دان كدودوقن يڠ تيڠڬي سرت جاوتن يڠ دساندڠ، سسأورڠ ايت سويڠ-ويڠڽ مپورووه اورڠ عوام يڠ برأوروسن دڠن جابتن مريك انتوق ملاكوكن سسواتو يڠ بربنتوق ڤريبادي دان برچڠڬه دڠن إتيكا كرجا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله نڬارا كيت تله مڠڬوبل اوندڠ-اوندڠ باڬي مناڠني كسالهن ساله ڬونا كواس اين دان ساله ساتوث اياله أكتا ڤنچڬاهن رشواه، ڤڠڬل ١٣١. أكتا اين ممبري كواس كڤد ڤڬاوي-ڤڬاوي بيرو منچڬه رشواه انتوق مپياسات مان-مان إنديۏيدو ترماسوق ڤنجاوت عوام تيدق كيرا ڤڠكت اتو جاوتن، يڠ مپالهڬوناكن كواس مريك دالم ملاكوكن ڤربواتن منريما اتو ممينتا رشواه؛ دان ممبري اتو مناوركن اتو منجنجيكن رشواه.

ڤربواتن منريما، ممينتا، ممبري، مناوركن، منجنجيكن رشواه جلس منونجوقكن بهاوا ڤلاكوث سڠڬوڤ مڠخياناتي أمانه يڠ تله دڤرتڠڬوڠجوابكن كڤدث دان مپالهڬوناكن كواساث انتوق ملاكوكن سسواتو يڠ برتنتڠن دڠن ڤراتورن دان اوندڠ-اوندڠ دمي انتوق منداڤت هابوان دان كسنڠن دڠن موده سرت ممڤرأوليهي اڤ يڠ دحاجتيڽ. كسالهن-كسالهن اين تركندوڠ دباوه باب ٦(A) دان باب ٦(B) أكتا ڤنچڬاهن رشواه، ڤڠڬل ١٣١.

سلاين ايت، ساله ڬونا كواس جوڬ مروجوق كڤد كسالهن ساله لاكو سڤرتي يڠ تركندوڠ دباوه باب ١٢ A دان باب ١٢ B أكتا ڤنچڬاهن رشواه، ڤڠڬل ١٣١ يايت:

**ڤرتام:** مڠڬوناكن دانا اتو سومبر عوام انتوق توجوان ڤرسنديرين اتو كڤنتيڠن ڤريبادي.
**كدوا:** ممبري لاينن كاوتامأن يڠ تيدق واجر.
**كتيڬ:** مپالهڬوناكن معلومت يڠ دتريما سماس برتوڬس.
**كأمڤت:** مڠندواليكن ديريڽ يڠ مبيبكن كڤنتيڠن ڤريباديڽ برستنتڠن دڠن توڬس عوام سڤرتي مڠڬڠڬو، ممڤڠاروهي ڤرلانتيكن، كنايقن ڤڠكت، ڤڠكنتوڠن، ڤنورونن ڤڠكت اتو ڤمچتن، سڠاج ساله لاكو ديريڽ سنديري دان دڠن سڠاج مڠأبيكن توڬسڽ.

ڤرلو دكتهوي، بهاوا حكومن مكسيما باڬي كسالهن-كسالهن ترسبوت اداله دندا تيك ڤولوه ريبو ريڠڬيت دان ڤنجارا سلاما توجوه تاهون. دڠن ڤڠڬوبلن أكتا ڤنچڬاهن رشواه، ڤڠڬل ١٣١ اين جلس منونجوقكن بهاوا كراجأن أمت مڠمبيل برت دان ممندڠ سريوس ترهادڤ كسالهن-كسالهن رشواه ترماسوق ساله ڬونا كواس. حك ساله ڬونا كواس برلاروتن دان دجاديكن سباڬي ساتو عمالن، مك اكن ڤينجڠله ڤنتدبيران نڬارا كران دتراجوءي اوله مريك يڠ خيانة دان تيدق بوليه دڤرچيااي. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ دبري كڤرچيأن تتاڤي دي مڠخياناتيڽ، مك اورڠ ترسبوت اداله اورڠ يڠ منافق. درڤد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلاَثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ.**

**مقصودڽ:**

**تندا-تندا اورڠ منافق ايت تيك ڤركارا: اڤبيل بركات دي بربوهوڠ، اڤبيل برجنجي دي ممونڠكيري دان اڤبيل دبري امانه دي مڠخياناتي. {حديث رواية إمام بخاري}**

اوله يڠ دمكين، ادكه كيت ماهو دأڠڬڤ سباڬي اورڠ يڠ منافق كران مپالهڬوناكن كواس؟ اداله دإيڠتكن كڤد قوم مسلمين سكالين بهاوا اورڠ يڠ منافق اداله اورڠ يڠ دبنچي اوله الله سبحانه وتعالى كران ڤربواتن ترسبوت اداله ڤربواتن يڠ ترچلا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ماري كيت رنوڠ اكن سبواه قيصه مڠناءي خليفه عمر بن عبدالعزيز يڠ تركنل دڠن صفة كڤيمڤينن. بلياو يڠ أمت برهاتي-هاتي دڠن أوروسن هرتا تراوتام سكالي يڠ مليبتكن هرتا رعيت. والوڤون برجاوتن خليفه، بلياو تيدق سويڠ-ويڠڽ مماكي هرتا كراجأن. دقيصهكن بهاوا بلياو سداڠ برتوڬس دان مڠڬوناكن لمڤو ڤليتا كران رواڠن كرجا يڠ ڬلڤ. اڤبيل كلوارڬڽ داتڠ منمويڽ سماس برتوڬس ترسبوت، خليفه عمر تله ممادمكن لمڤو ڤليتا ايت كران ڤركارا يڠ دبيچاراكن اداله أوروسن ڤريبادي دان تيدق بركايتن دڠن توڬس.

قيصه اين منونجوقكن كڤد كيت باڬيمان أمانهڽ خليفه عمر بن عبدالعزيز دالم منجالنكن توڬسڽ سهيڠڬ بلياو ممستيكن بهاوا بلياو تيدق مڠڬوناكن هرتا كراجأن انتوق كڬوناأن ڤريبادي. اين اداله جونتوه إينتيڬريتي يڠ داڤت كيت جاديكن سباڬي ڤندوان دالم كيت منجالنكن توڬس دڠن ڤنوه أمانه دان إخلاص كران الله سبحانه وتعالى.

سباڬي أومت إسلام، كيت مڠتهوي بهاوا اڤ سهاج يڠ دڤرأوليهي حاصل درڤد ملاكوكن ڤربواتن يڠ ساله دسيسي أكام إسلام ترماسوق ساله ڬونا كواس، اداله تيدق بركت اڤاته لاڬي جك حاصل ترسبوت دڤرأوليهي كران ملاكوكن كسالهن رشواه. كيت جاڠن ترلالو تعصوب انتوق مڠومڤول هرتا هيڠڬ سڠڬوڤ مڠڬوناكن جارا يڠ ساله دان تيدق بتول. درڤد أبو هريرة رضي الله عنه تله بركات اي، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا يڠ برمقصود: **اكن اد سواتو زمان ڤد أومت مأنسي يڠ سسأورڠ ايت تيدق لاڬي ممڤدوليكن اڤ يڠ دأمبيلڽ (رزقي يڠ دتريما اولهڽ) اڤكه دري يڠ حلال اتو دري يڠ حرام. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت بوليه ممبنتو منچڬه ڤربواتن ساله ڬونا كواس دڠن ملاڤوركنڽ كڤد ڤيهق ڤڠواتكواس اوندڠ-اوندڠ ترماسوق بيرو منچڬه رشواه جك بركايتن دڠن رشواه دان ساله لاكو. كيت جاڠنله برسوبهت دالم جنايه اين هاڽ كران كيت تاكوت اكن كواس يڠ دڤڬڠ اوله ڤڬاوي ترسبوت. ماينكن ڤرانن كيت سباڬي رعيت نڬارا بروني دارالسلام يڠ ڤريهتين اكن كسجهترأن دان كباجيقن مشاركت دان جوڬ دمي نڬارا. جالنكن تڠڬوڠجواب كيت سباڬي وركا ڤرخدمتن عوام دڠن ممستيكن تياد تولق أنسور اتوڤون كومڤرومي ترهادڤ جنايه ساله ڬونا كواس.

كيت هندقله منجادي اورڠ يڠ برإينتيڬريتي يڠ تيدق موده دڬوڬت اتوڤون دڤڠاروهي هاث كران دجنجيكن كنايقن ڤڠكت اتو دبري إمبوهن اتو ڬنجارن كران ممبوات سسواتو ڤربواتن يڠ ملڠڬر ڤروسيدور كرجا والوڤون دري ڤيهق أتسن اتو اورڠ يڠ برڤڠاروه. جاديله اورڠ يڠ تڬس دان برڤڬڠ تڬوه كڤد ڤراتورن دان اوندڠ-اوندڠ. كيت تيدق ڤرلو تاكوت ملاڤوركن ڤركارا يڠ ساله دسيسي اوندڠ-اوندڠ كران اڤ يڠ كيت بوات اداله انتوق منچڬه جنايه.

أخيرڽ، ماريله كيت سنتياس ممنجاتكن دعاء كحضرة الله سبحانه وتعالى أڬر كيت ترهيندر دري ملاكوكن سبارڠ كسالهن جنايه سڤرتي رشواه دان جوڬ برتيكد دان برعزم انتوق منجالنكن تڠڬوڠجواب دڠن جوجور، إخلاص دان أمانه سرت برڤڬڠ تڬوه كڤد اجارن أكام إسلام أڬر داڤت ملاوان سڬل عناصير جاهت. موده-مودهن دڠن يڠ دمكين كيت اكن منداڤت كريضأن، كبركتن دان رحمة يڠ برڤنجڠن درڤد الله سبحانه وتعالى. آمين يا ربَّ العالمين.

**سسڠڬوهڽ الله مپورووه كامو سوڤاي مپراهكن أمانه-أمانه كڤد أهليڽ (يڠ برحق منريماڽ) دان اڤبيل كامو منجالنكن حكوم انتارا مأنسي (هندقله) كامو مڠحكوم دڠن عادل. سسڠڬوهڽ الله (دڠن سورووهنڽ ايت) ممبري ڤڠاجارن يڠ سبايك-بايكڽ كڤد كامو. سسڠڬوهڽ الله اداله مها منندڠر لاڬي مها مليهت.**
{سورة النساء أية : ٥٨}

**بارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآنِ الْعَظِيمِ، ونَفَعَنا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هوالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وأَسْتَغْفِرُالله الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# دعاء مموهن کڤد الله سوڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ مماوا كبراونتوڠن ساعت بسر كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

Iklan Jawatan Kosong

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

**Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom**

**Jawatan :**
Legal Adviser (Ocean and Natural Resources)

**Kekosongan :**
1

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 2 Januari 2024.

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang :
*http://thecommonwealth.org/jobs*

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 58 / 2023

**Tajuk Tawaran :**
Kerja-Kerja Mengganti Lantai Pentas Dan Kerosakan Tandas Dalam Dewan Kemasyarakatan RPN Lambak Kanan CC1, Mukim Berakas 'B', Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 59 / 2023

**Tajuk Tawaran :**
Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Alat Perlindungan Kilat Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas dan Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu Serta Mengganti Lampu Led Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 60 / 2023

**Tajuk Tawaran :**
Membekal dan Memasang Kekili Hos dan Membaik Pulih Peralatan Penjana Kuasa Kebakaran Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 61 / 2023

**Tajuk Tawaran :**
Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Keseluruhan Tingkap dan Dinding Luar Bangunan Baharu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup :**
Tidak lewat Selasa, 26 Disember 2023. Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Rujukan Dan Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / RC / 195 (5)
Supply Of Dental Spare Parts - Four (4) Years Contract

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah tiga minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 22 Januari 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Isnin,
23 Januari 2024.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan Sebut Harga :**
(124) INFO / PK / K7 (2023 / 2024)

**Tajuk Sebut Harga :**
Baucar Alai Pintar

**Yuran :**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
(26 Disember 2023),
Jam 8.30 Pagi.

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**
JBBSB / LTK / 2023 - 2024 / 05 / UPA

**Nama Tawaran :**
Two Years Term Contract Daily Cleaning Of Tamu Kianggeh Complex and Surrounding Areas
(1 Jun 2024 Until 31 Mei 2026)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 26 Disember 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran Sebut Harga :**
MOFE / UPAH / T / 2023 - 1

**Tajuk Tawaran Sebut Harga :**
Projek Menaik Taraf Sistem Closed Circuit Televisyen (CCTV) Bagi Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen :**
BND30.00 bagi Yuran Tawaran
BND5.00 bagi Yuran e-dokumen

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Selasa, 26 Disember 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**
18 / KKBS / HK40 - 2024

**Tajuk Tawaran :**
Supply and Install Heavy Duty and Waterproof PVC Canvas to Cover Football Field Area At Stadium Negara Hassanal Bolkiah In Conjunction With 40th National Day Of Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**
Tidak lewat Selasa,
26 Disember 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran :**
Revitalizing Flight Information Infrastructure : Comprehensive Supply, Delivery, Installation and Commissioning Of Fids Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation'
TERMINAL / 2023-2024 / SH-07

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
9 Disember 2023, Sabtu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
19 Disember 2023, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
20 Disember 2023,
Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada :**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**KES NO.**
**BCY / CP / 529 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**AWANG ABU BAKAR BIN HAJI LAKIM (00-260849 - Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **12 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**AWANG ABU BAKAR BIN HAJI LAKIM**
**Lot No. 4589, Spg. 366,**
**Kg. Sg. Bakong Lumut**
**Kuala Belait**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**26 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**22 November 2023**

**KES NO.**
**BCY / CP / 79 / 2014**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**MOHAMAD YAKUF BIN AWANG HAJI TUAH (00-295189 - Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**MOHAMAD YAKUF BIN AWANG HAJI TUAH**
**No. 94, Jln. 99,**
**Perumahan Lambak Kanan**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**31 Mac 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

**>> Muka 15**

>> Muka 14

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**22 November 2023**

**KES NO.**
**BCY / CP / 457 / 2017**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**NURHAFFIZAH BINTI RAMLE**
**(01-036341 - Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **28 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**NURHAFFIZAH BINTI RAMLE**
**No. 22, Spg. 376, Jln. Bukit Bilid,**
**RPN Bukit Beruang TC3345**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**25 September 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**22 November 2023**

**KES NO.**
**BCY / CP / 24 / 2015**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**(previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**HARDI BIN HAJI MAJID**
**(00-272586 - Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**HARDI BIN HAJI MAJID**
**No. 7, Spg. 4, Jln. Keruak,**
**RPN Kg. Panaga, Seria KB4533,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**6 April 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**23 November 2023**

**Kes No. BCY / CP / 282 / 2011**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MASNAH BINTI ADMIN @ ADNAN**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 3 November 2011 telah dibatalkan pada **23 November 2023.**

**Nama Penghutang :**
**MASNAH BINTI ADMIN @ ADNAN**

**Alamat Penghutang :**
**No. 18, Spg. 286-30-53-3-16,**
**RPN Kg. Lumut, Belait,**
**Negara Brunei Darusalam**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 3 / 2022**

**BAIDURI BANK SENDIRIAN BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**GOH SIN KEONG**
**(BGIC No. 50-946616)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**GOH SIN KEONG**
**No. 8, Simpang 13,**
**Jalan Lubok Sigurun,**
**Kampung Mulaut,**
**Bandar Seri Begawan,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**9 April 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 27 Februari 2024, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 388 / 2016**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**(PREVIOUSLY FILED BY HSBC FINANCE (B) BHD)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHD SOFIAN BIN JUMAT**
**(RBPF NO. 265153 / WC NO. 3567)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**MOHD SOFIAN BIN JUMAT**
**No. 23, Simpang 120-48-36-23,**
**STKRJ Kampung Mumong,**
**Kuala Belait KA1731,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**25 Januari 2017**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 27 Februari 2024, jam 9.30 Pagi.**

>> Muka 16






>> Muka 15

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 211 / 2023**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**AYU RADIMAN BIN MD SUFRI**
**(BYIC NO. 00-283907)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**AYU RADIMAN BIN MD SUFRI**
**No. 14, Simpang 66-35,**
**Kampung Bengkurong,**
**Jalan Bengkurong Masin,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**18 Oktober 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 27 Februari 2024, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 139 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMAD AUDILAH BIN HAJI IDRIS**
**(BYIC NO. 01-049160)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**MOHAMAD AUDILAH BIN HAJI IDRIS**
**No. 4, Simpang 79,**
**Jalan 39, RPN Kampung Rimba, Gadong**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**21 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 27 Februari 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 Februari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**DK SITI NURSU'AIDAH**
**BINTI PG JUFRIZAR**
**@ PG TAJUDDIN**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 198 / 2023**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**SARIMAH BINTI KASAMANI**
**(BYIC NO. 00-286893)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**SARIMAH BINTI KASAMANI**
**No. 20, Simpang 55-14,**
**RPN Kampung Pandan,**
**Jalan Pandan Satu, Kuala Belait**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**10 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 1 April 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 April 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**Kes No. BCY / CP / 186 / 2013**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**(previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**SAHARINI BIN KARIM**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 24 Oktober 2013 telah dibatalkan pada **23 November 2023.**

**Nama Penghutang :**
**SAHARINI BIN KARIM**

**Alamat Penghutang :**
**No. 576,**
**Kg. Pg. Kerma Indera Lama,**
**Bandar Seri Begawan BL1712**
**Negara Brunei Darusalam**

**Bertarikh :**
**4 Disember 2023**

**KES NO.**
**BCY / CP / 373 / 2018**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**ALI HUSSIN**
**BIN MOHAMMAD SALLEH**
**(Kad Pengenalan Brunei No. 00-288108 / ABDB- Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **14 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**ALI HUSSIN**
**BIN MOHAMMAD SALLEH**
**No. 32, Simpang 32,**
**Jalan Teripas,**
**RPN Kampung Panaga,**
**Seria, BK4533**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**28 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**6 Disember 2023**

**KES NO.**
**BCY / CP / 489 / 2010**

**PERSEKUTUSAN GURU-GURU MELAYU BRUNEI**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**HAJI MOHD JAWIE**
**BIN HAJI IDRIS**
**(Kad Pengenalan Brunei No. 00-028925)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**HAJI MOHD JAWIE**
**BIN HAJI IDRIS**
**No. 13, Jalan Haji Abdul Gani,**
**Bukit Bendera Tutong,**
**Tutong TA1341**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**4 November 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**6 Disember 2023**

**HAJAH NORMAZDINA**
**BINTI HAJI MD. MASKUB**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**KES NO.**
**BCY / CP / 149 / 2016**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
**(previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**AFFENDDY BIN HAJI MD HUSSIN**
**(Kad Pengenalan Brunei No. 00-273379 - Kuning)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 November 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**AFFENDDY BIN HAJI MD HUSSIN**
**No. 11, Block B20, Teres Tengah,**
**Jalan Paku-Paku,**
**RPN Lumut, Belait,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Permohonan :**
**28 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**5 Disember 2023**

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan bersama-sama Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK), penduduk-penduduk dan belia-belia Kampung Serambangun dan Kandang, Daerah Tutong. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



BACAAN ayat suci Al-Quran daripada pelajar IBTE Kampus Nakhoda Ragam, Awang Muhammad Sakhwai bin Saiful pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknik Brunei Ke-31. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



BARISAN lalu para anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Majlis Tamat Latihan Asas Ketenteraan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB) Penanjong Garison. - Foto : Hamzah Mohidin.



SEBAHAGIAN daripada peserta Jambori dari luar negara yang menyertai Jambori Pengakap 2023. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.




PERSEMBAHAN Malam Antarabangsa yang memperlihatkan persembahan daripada kontinjen-kontinjen daripada dalam dan luar negara yang menyertai Jambori Nasional Ke-5. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

# MANTAPKAN JATI DIRI, NILAI KEAGAMAAN DALAM KEHIDUPAN





**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang dan seterusnya bergambar kenangan bersama peserta perkhemahan (atas dan kanan).**

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan AJK Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri**

**MUKIM MENTIRI**, Ahad, 10 Disember. - Perkhemahan Belia Berwawasan dan Berani yang telah diadakan selama tiga hari berakhir dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di pekarangan Ruang Legar Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri, petang ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan penutupan perkhemahan tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada peserta oleh tetamu kehormat majlis. Awang Mohammad Faiz Zayani bin Muhammad Firdausil Amin dan Dayang Abryana Syamimie binti Mohammad Khair masing-masing dipilih sebagai Peserta Terbaik Lelaki dan Perempuan.

Perkhemahan yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Takmir dan Belia Beliawanis Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri itu merupakan anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan telah disertai seramai 65 belia dan beliawanis masjid di Daerah Brunei dan Muara.

Perkhemahan yang bertemakan 'Belia Berwawasan dan Berani' menjadi platform terbaik kepada peserta untuk meningkatkan kemantapan jati diri di samping menyuntik dan meresapi nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan seharian.

Sepanjang menjalani perkhemahan, para peserta telah menyertai pelbagai aktiviti yang menjurus pembentukan keyakinan dan mengukuhkan jati diri selain mengembangkan minda positif para belia agar mempunyai wawasan masa depan yang dinamik.

Sebelum mengakhiri majlis, para peserta telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran selepas melengkapkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran sepanjang berkhemah di masjid berkenaan.

# Program Sivik NBD : Wadah mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Ahad, 10 Disember. – Jabatan Penerangan selaku jabatan yang menjadi penghubung antara pihak kerajaan dan rakyat serta penduduk amnya, tidak akan henti-henti meneliti, memperkenalkan dan melaksanakan program-program yang relevan selaras dengan kehendak negara dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, seramai 39 orang peserta menyertai Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2023 / 2024 anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Program lima hari tersebut bermula hari ini dengan majlis pembukaan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan hingga 14 Disember 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat menjelaskan perancangan jabatan dengan kerjasama pelbagai pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan adalah untuk sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18 pada bulan Ogos tahun ini di mana baginda bertitah bahawa 'Belia dan Negara Berpisah Tiada'.

Program ini juga jelas Dayang Siti Bismi Nuruliman antara lain dihasrat akan dapat menjadi salah satu wadah atau landasan ke arah melengkapkan para peserta khususnya lepasan ijazah dan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat untuk meningkatkan daya saing, mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dapat mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari terutamanya dalam zaman digital ini.

"Sepertimana jua para belia negara, para peserta sekalian adalah merupakan generasi penyambung jentera pentadbiran kerajaan dan generasi yang akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035," tekan Pemangku Pengarah Penerangan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan kerajaan yang berkenaan serta ibu bapa dan penjaga para peserta.

Program tersebut antara lain dihasratkan dapat menjadi salah satu wadah atau landasan ke arah melengkapkan para peserta khususnya lepasan ijazah dan pegawai-pegawai yang baharu berkhidmat untuk meningkatkan daya saing, mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dapat mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari terutamanya dalam zaman digital ini.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para peserta Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2023 / 2024.**



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah menyampaikan ucapan.**

Program Sivik diperkenalkan sejak tahun 1976 dengan menyasarkan pelbagai kelompok sasaran yang dilaksanakan dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Jabatan Penerangan berharap bahawa program singkat yang diadakan selama lima hari itu akan dapat mengukuhkan lagi jati diri kebruneian, menanamkan semangat bersandarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), memupuk *mindset* dan mentaliti yang kental dan ingin terus maju, dan seterusnya memperkayakan diri dengan ilmu serta pengalaman yang akan diperoleh.

# 4 WAKILI UNISSA SERTAI PERTANDINGAN DEBAT ANTARABANGSA BAHASA ARAB

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BERAKAS,** Sabtu, 9 Disember. - Seramai empat orang iaitu seorang mahasiswa dan tiga mahasiswi daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kelmarin mewakili negara ke Pertandingan Debat Antarabangsa Bahasa Arab IIUM 2023 (IIUM International Arabic Debate Open 2023) yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) yang bermula pada 8 Disember hingga 11 Disember 2023.

Mereka terdiri daripada Awang Muhammad Afiq Ahlami bin Ahmad Ilmi, Dayang Nur Nawwarah binti Ewardy Irwan, Dayang Filzah Afiqah binti Chuchu dan Dayang Mardhiah binti Rozalan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dan Ketua Program Sarjana Muda di Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Hajah Rafizah binti Haji Abdullah.

Penyertaan tersebut dihasratkan bagi mendedahkan para pelajar untuk mempraktikkan Bahasa Arab secara kondusif, di samping memberi peluang kepada mereka untuk bertukar-tukar pandangan mengenai topik-topik yang akan didebatkan dalam pertandingan itu nanti.

Pertandingan yang melibatkan penyertaan universiti-universiti di Malaysia dan luar negara ini juga dihasratkan agar dapat membantu para pelajar dalam memperkembangkan kemahiran bahasa Arab mereka di samping menjadi platform untuk saling bersilaturahim.



**SERAMAI empat orang iaitu seorang mahasiswa dan tiga mahasiswi daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mewakili negara ke Pertandingan Debat Antarabangsa Bahasa Arab IIUM 2023 (IIUM International Arabic Debate Open 2023).**

## Erat kerjasama dalam Sektor Perikanan

Siaran Akhbar : Jabatan Perikanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Disember. - Mesyuarat Dua Hala Keenam di antara Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Republik Sosialis Viet Nam telah berlangsung pada Isnin, 4 Disember 2023 lalu di Bandar Seri Begawan.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Perikanan, KSSUP, Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat, dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Republik Sosialis Viet Nam, Dr. Nhu Van Can, di mana kedua belah pihak telah menzahirkan kegembiraan dengan komitmen hubungan dua hala yang masih terjalin erat serta kerjasama berterusan dalam mempromosikan Sektor Perikanan untuk manfaat kedua-dua buah negara.

Agenda mesyuarat merangkumi perbincangan mengenai pencapaian mesyuarat Dua Hala Kali Kelima yang telah diadakan pada tahun 2019, projek dan aktiviti berkaitan Sektor Perikanan yang merangkumi peluang pelaburan, pembangunan akuakultur, teknologi pemprosesan serta penyelidikan dan perkembangan.

Mesyuarat juga adalah sebagai platform bagi pertukaran maklumat antara pengusaha perikanan dan pakar dari Republik Sosialis Viet Nam, yang mana satu bengkel mengenai dengan kesihatan ternakan udang di dalam kolam turut diadakan bagi pengusaha-pengusaha ternakan udang di negara ini yang telah disampaikan oleh seorang pakar penyakit udang dari Republik Sosialis Viet Nam, Dr. Loc Tran.

Mesyuarat Dua Hala tersebut dihasrat akan dapat membuahkan hasil dan diharap dapat meningkatkan lagi hubungan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam melalui perkongsian kepakaran, pengetahuan dan teknologi dalam Sektor Perikanan.





# Nilai sukarelawan amatlah berharga

Oleh : Nurul Rasyidah Mohammad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

MENJADI seorang sukarelawan bukanlah suatu tugas yang mudah. Perlulah mempunyai minat dan komitmen yang tinggi terhadap sesuatu kegiatan yang dilakukan secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang imbalan dan ganjaran. Sebagai sukarelawan harus menampilkan keyakinan diri yang tinggi dan sentiasa proaktif, kreatif serta bersedia dalam melakukan kerja-kerja kemanusiaan.

### Tema

Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan setiap 5 Disember dan tahun ini membawa tema 'Andai Semua Orang Melakukannya' (If Everyone Did). Tema ini memfokuskan kepada usaha-usaha serta tindakan secara kolektif oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, ia adalah hari di mana segala usaha serta sumbangan para sukarelawan diiktiraf di samping mempromosi semangat sukarela serta meningkatkan kesedaran khidmat sukarelawan dalam semua lapisan masyarakat baik di dalam atau di luar negara.

Dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad menjelaskan bahawa tema pada tahun ini turut memperlihatkan budaya kesiapsiagaan dan sikap pemedulian dalam kalangan masyarakat Brunei dengan melibatkan kerjasama sepadu semua agensi termasuk pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), orang-orang perseorangan serta golongan Orang Kelainan Upaya.

### Statistik

Pada tahun 2022, United Nation Volunteer (UNV) telah melaporkan sebanyak 12,408 sukarelawan telah dikerahkan di seluruh dunia melalui tiga tonggak di bawah PBB iaitu Pembangunan; Keamanan dan Keselamatan; dan Hak Asasi Manusia. Statistik daripada UNV juga menunjukkan Asia dan Rantau Pasifik berada di kedudukan keempat dengan seramai 1,843 orang sukarelawan dikerahkan.

### Kempen Hari Bertindak

Bagi meningkatkan kesedaran berkaitan budaya kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat Brunei terutamanya kepada golongan belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mewujudkan platform Kempen Hari Bertindak atau lebih dikenali sebagai Day of Action bagi memberi kesedaran dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam program atau aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan melibatkan semua lapisan masyarakat dari kalangan masyarakat Brunei. Ia juga merupakan satu landasan bagi mengumpulkan para sukarelawan dalam melaksanakan kerja-kerja meliputi program-program, projek-projek atau aktiviti-aktiviti secara individu, kolaborasi atau berkumpulan yang juga dihasrat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan semangat sukarelawan dalam kehidupan.

Kempen Hari Bertindak mula dilaksanakan pada tahun 2016 sebagai salah satu inisiatif Negara Brunei Darussalam dalam meraikan serta menyemarakkan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Tahun ini merupakan pelaksanaan kali kelapan bagi Kempen Hari Bertindak. Sehingga tahun 2022, kempen ini telah berjaya menghimpunkan lebih 3,000 orang sukarelawan melalui pelaksanaan lebih 200 aktiviti. Pada tahun ini sebanyak 95 aktiviti sukarelawan telah didaftarkan di bawah Kempen Hari Bertindak.

### Kelebihan menjadi sukarelawan

Aktiviti sukarelawan adalah salah satu faktor yang penting dalam mengukuhkan hubungan sesama masyarakat dan menyebarkan semangat perpaduan. Dengan menceburi aktiviti ini, individu dapat mengisi masa lapang mereka dengan melakukan sesuatu yang berfaedah untuk diri mereka dan orang lain. Selain itu, individu tersebut berkesempatan untuk meraih peluang dalam memperolehi pengalaman dan pengetahuan baharu serta membentuk keperibadian yang baik. Antara kemahiran yang boleh didapati adalah seperti kemahiran berkomunikasi, berorganisasi, kepimpinan, disiplin diri dan sebagainya. Kemahiran ini berguna dalam membantu mereka menghadapi cabaran yang berat di masa hadapan.

Menjadi seorang sukarelawan dapat memupuk seseorang individu itu untuk melakukan aktiviti yang digemarinya atau disukainya dengan kerelaan hati tanpa mengharap sebarang balasan. Di samping itu, dengan menjadi sukarelawan, ia juga boleh merapatkan jurang dan mengeratkan silaturahim tanpa mengira umur. Individu berpeluang untuk bertemu dengan pelbagai jenis masyarakat dari latar belakang yang berbeza.

Mengikuti aktiviti sukarelawan adalah satu kegiatan yang sangat bermanfaat kepada seorang individu sama ada mereka melakukannya secara persendirian ataupun berkumpulan. Untuk membangun sebuah negara, sumbangan dan penglibatan para sukarelawan termasuk masyarakat amatlah penting dan bernilai. Dapat dilihat semasa penularan wabak COVID-19 melanda dunia, merekalah yang sangat diperlukan dalam membantu kerajaan mengekang penularan wabak berkenaan. Menjadi sukarelawan bukanlah perbuatan yang sia-sia dan malah sangat digalakkan seperti mana di dalam Islam juga ada menyatakan sebaik-baik manusia itu adalah yang memberikan manfaat kepada orang lain.





# WE punya hak perlindungan melalui Klinik Undang-Undang Syariah RWE

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM mendukung usaha kerajaan untuk memantapkan sistem perlindungan terhadap warga emas (WE) di Negara Brunei Darussalam melalui perundangan syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi Unit Perundangan Islam (UPI) menganjurkan projek berbentuk Klinik Undang-Undang Syariah dengan bertemakan 'Ri'ayah Warga Emas'.

Tema 'Ri'ayah Warga Emas', 'Ri'ayah' berasal daripada perkataan Arab bermaksud 'Perlindungan' atau 'Penjagaan'. Sehubungan itu, Klinik Undang-Undang Syariah Ri'ayah Warga Emas diharap akan dapat menjadi platform untuk membantu golongan warga emas memahami hak dan tanggungjawab mereka serta mendapat perlindungan yang diberikan di bawah undang-undang tersebut.

Klinik Undang-Undang Syariah dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan berkaitan iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat, Mahkamah Syariah, Mahkamah Besar, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam pelbagai isu kekeluargaan, pengurusan harta dan jenayah Syariah.

Klinik tersebut mula-mula diadakan pada 5 November 2022 di Daerah Tutong, 4 November 2023 di Daerah Temburong, 18 November 2023 di Daerah Belait dan seterusnya pada bulan Januari 2024 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Pengarah Unit Perundangan Islam, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Klinik Undang-Undang Syariah Ri'ayah Warga Emas semasa berucap pada sesi 'Sembang Undang-Undang Syariah' yang berlangsung di Dewan Bandaran, Kuala Belait, pada 18 November lalu antaranya menyatakan projek yang dianjurkan oleh Unit Perundangan Islam tersebut telah mendapat sokongan dan kerjasama yang erat daripada agensi-agensi kerajaan yang lain yang akan menjadi tenaga penasihat di Klinik-Klinik Undang-Undang Syariah yang terdiri daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Mahkamah Besar, Mahkamah Syariah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitul Mal, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, KHEU melalui pendekatan seluruh kerajaan (Whole of Government Approach).

Jelasnya lagi, selain itu projek ini juga dihasrat akan menjadi langkah yang efektif dalam mengumpulkan isu atau permasalahan yang dihadapi oleh warga emas di negara ini.

"Dengan pengumpulan data-data tersebut, ia akan dapat membantu UPI dalam mengenal pasti sama ada dasar atau perundangan syariah yang sedia ada di negara ini memadai atau perlu kepada pindaan ataupun penambahan suatu yang baharu supaya kesejahteraan warga emas kitani terjaga dan dapat terhindar daripada unsur-unsur pengabaian, penderaan, penganiayaan dan seumpamanya," ujarnya.

### Objektif 'Ri'ayah Warga Emas'

Antara objektif yang disasarkan dalam 'Ri'ayah Warga Emas' ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran warga emas mengenai hak perlindungan golongan berkenaan di bawah undang-undang syariah khususnya berkaitan keluarga, jenayah dan pengurusan harta. Selain itu, untuk mengumpul data menggunakan metodologi pemerhatian bagi mengenal pasti masalah atau isu yang dihadapi WE yang melibatkan undang-undang dan hasil dapatan berkenaan digunakan untuk meminda atau mengadakan dasar atau undang-undang syariah yang baharu bagi memastikan WE mendapat hak perlindungan mengikut keperluan.

### Harapan UPI

Dengan adanya Klinik Undang-Undang Syariah ini, UPI berharap akan dapat memberikan pengetahuan juga kefahaman kepada WE dan dapat memberikan jawapan terhadap kemusykilan yang dihadapi serta menyuntik kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab serta perlindungan mereka di sisi undang-undang Syariah. Semoga komitmen yang diberikan dalam melaksanakan projek ini akan memberikan impak positif kepada usaha pihak kerajaan dalam merealisasikan perlindungan bagi WE di negara ini di tahap optimal dan ke arah penuaan yang berjaya.

Dengan penglibatan orang ramai khususnya WE, projek berkenaan dihasrat akan dapat memberi perkhidmatan undang-undang yang lebih berkesan melalui pendekatan senegara dan pendekatan seluruh kerajaan, dan ia akan dilaratkan bagi penyertaan Pusat Kegiatan WE di daerah-daerah lain pada masa akan datang.

Menerusi klinik berkenaan, warga emas yang hadir termasuk penghulu dan ketua-ketua kampung boleh mengambil peluang bertanyakan apa jua masalah atau kemusykilan dihadapi kepada tenaga-tenaga penasihat klinik yang sentiasa bersedia membantu dalam memberikan nasihat dan juga konsultasi yang bersesuaian. Semua maklumat peribadi serta isu atau masalah yang diajukan oleh WE akan dirahsiakan dan tidak akan disebarkan kepada mana-mana pihak.



قليتا بروني PELITA BRUNEI

# PATUHI PERINTAH PEKERJAAN 2009

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh baru-baru ini mengendalikan Operasi Kelinga 248/2023 di kawasan Kampung Sungai Orok pada 4 Disember 2023 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan di sebuah kedai jahit di Kampung Sungai Orok mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 112 (2) Kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing di mana seorang pekerja asing berjawatan sebagai Penyelia Kedai didapati membuat pekerjaan Tukang Jahit dan Jurujual.

Manakala kesalahan lain yang didapati adalah Bab 86 Gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan dan gagal membuat penyusunan semula penempatan pekerja tambahan.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh baru-baru ini mengendalikan Operasi Kelinga 248/2023 di kawasan Kampung Sungai Orok (kanan dan bawah).**






# Jangan salah guna Lesen Pekerja Asing



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Kelinga 252/2023 di kawasan Jangsak pada 5 Disember lalu.**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Kelinga 252/2023 di kawasan Jangsak pada 5 Disember 2023 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan di Kampung Jangsak tersebut mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 112 (1) Menggaji pekerja asing tanpa ada kebenaran Pesuruhjaya Buruh dan Bab 112 (2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing di mana seorang individu didapati menggaji seorang amah yang bukan di bawah jaminan sah beliau.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing (LPA) dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# Operasi Sakat : 2 warga asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) ingin mengingatkan orang ramai terutama kepada para majikan untuk memastikan Pas-pas Pekerja adalah sentiasa sah (*valid*) dan memastikan pekerja masing-masing bekerja mengikut jawatan yang dibenarkan.

Adalah juga menjadi satu kesalahan sekiranya didapati menyalahgunakan Pas-pas Imigresen yang telah diberikan.

Peringatan ini adalah disampaikan berikutan dengan operasi penguat kuasa yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Sakat 165/2023 bertempat di Kawasan Letak Kereta, Mukim Kianggeh.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, seramai dua orang warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3) daripada Peraturan Imigresen Bab 17 iaitu tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport. Manakala seorang lagi telah melakukan kesalahan Peraturan 15(2) daripada Peraturan Imigresen Bab 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Jabatan tersebut mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



**BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Sakat 165/2023 bertempat di Kawasan Letak Kereta, Mukim Kianggeh.**

BERITA GLOBAL

# MAJLIS KESELAMATAN PBB PERLU DIPERBAHARU, KATA ERDOGAN

**ISTANBUL**, 10 Dis. - Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan pada Sabtu mengulangi gesaannya untuk mereformasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (UNSC) susulan tindakan Amerika Syarikat (AS) memveto resolusi menggesa gencatan senjata kemanusiaan segera di Gaza.

"Disebabkan veto oleh AS, tiada keputusan dicapai. Majlis Keselamatan PBB perlu diperbaharu.

"Kita tidak boleh lagi bergantung harap kepada Majlis Keselamatan PBB. Sejak 7 Okt, Majlis Keselamatan PBB yang misinya untuk mewujudkan keamanan global telah bertukar menjadi pelindung Israel," kata Erdogan semasa berucap pada Hari Hak Asasi Manusia Sedunia di Istanbul, lapor Agensi Anadolu.

Israel meneruskan serangan di Semenanjung Gaza pada 1 Dis selepas jeda kemanusiaan selama seminggu berakhir.

Kira-kira 17,700 rakyat Palestin di wilayah terkepung itu terbunuh dalam serangan udara dan darat Israel sejak 7 Okt.

Erdogan menegaskan bahawa rejim Israel dengan sokongan penuh Barat sedang melakukan kekejaman dan pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

"Kami akan teruskan perjuangan agar orang yang tidak bersalah di seluruh dunia dapat menikmati masa depan dengan keyakinan. Buat anak-anak di Gaza, buat ibu dan bapa di Gaza yang memeluk insan tersayang mereka dengan linangan air mata, kami akan terus menyuarakan suara kami," kata Erdogan. - ©BERNAMA

# Angka kematian di Palestin meningkat kepada 17,674 orang

**RAMALLAH (Palestin)**, 10 Dis. - Angka kematian penduduk Palestin susulan serangan tentera Israel di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat meningkat kepada 17,674 orang dengan lebih 49,300 orang cedera, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Menurut kemas kini terkini Kementerian Kesihatan sebanyak 17,400 kematian dilaporkan di Semenanjung Gaza manakala 274 kematian lagi di Tebing Barat dengan 46,000 rakyat Palestin cedera di Gaza dan hampir 3,300 lagi di Tebing Barat.

Jumaat sahaja menyaksikan sekurang-kurangnya 300 orang awam terbunuh dalam pengeboman tanpa henti Israel di Gaza.

Menurut kenyataan kementerian kesihatan sektor kesihatan di Gaza mengalami krisis dengan 55 ambulans tidak berfungsi manakala pusat penjagaan kesihatan ditutup akibat pengeboman berterusan dan kekurangan bahan api.

Penyakit berjangkit, termasuk cirit-birit, jangkitan pernafasan dan Hepatitis A semakin meningkat di pusat perlindungan Agensi Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) yang memberi kesan kepada kumpulan rentan seperti orang kurang upaya, mereka yang cedera dan wanita hamil.

Sementara itu, di Tebing Barat tentera penceroboh Israel semakin kerap menjadikan hospital, pusat kesihatan, ambulans dan pasukan perubatan sebagai sasaran serangan.

Kenyataan itu memaklumkan serangan peneroka haram Yahudi juga berterusan dengan 308 kes direkodkan sejak konflik bermula pada 7 Okt.

Insiden itu mengakibatkan kecederaan, kerosakan harta benda selain sebanyak 143 keluarga Palestin hilang tempat tinggal, termasuk 1,014 individu dan 388 kanak-kanak. - ©BERNAMA

# Gencatan senjata : tindakan AS guna kuasa VETO 'bawa malapetaka' - Duta Palestin

**WASHINGTON**, 9 Dis. - Duta Palestin ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Riyad al-Mansour menyelar Majlis Keselamatan PBB (UNSC) kerana kegagalannya meluluskan draf resolusi untuk gencatan senjata kemanusiaan di Gaza pada Jumaat, lapor Agensi Anadolu (AA).

Amerika Syarikat (AS) menggunakan kuasa veto untuk membatalkan resolusi yang ditaja bersama hampir 100 negara anggota PBB.

Ia menerima sokongan 13 ahli Majlis Keselamatan PBB. United Kingdom (UK) bagaimanapun memilih untuk berkecuali.

Mansour menyifatkan kegagalan itu "amat dikesali" dan "malapetaka."

"Daripada membenarkan majlis itu untuk melaksanakan mandatnya secara nyata selepas dua bulan, kekejaman ini mesti dihentikan, penjenayah perang diberi lebih banyak masa untuk melaksanakan jenayah mereka.

"Bagaimana ini boleh dibenarkan? Bagaimana seorang wakil boleh membenarkan pembunuhan keseluruhan penduduk? katanya.

Mansour yang mengulangi gesaannya untuk gencatan senjata berkata; "Setiap hari akan lebih banyak nyawa yang terkorban, jumlah penduduk yang terbunuh belum pernah terjadi sebelum ini dalam sejarah moden."

Resolusi draf itu menggesa semua pihak terlibat dalam konflik untuk mematuhi undang-undang antarabangsa, terutamanya perlindungan orang awam, menuntut gencatan senjata kemanusiaan segera dan menyeru Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres untuk melaporkan kepada Majlis Keselamatan mengenai pelaksanaan gencatan senjata.

Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang mencadangkan draf itu berkata ia berusaha untuk menyelesaikan resolusi berkenaan dengan cepat disebabkan peningkatan jumlah kematian dalam konflik 63 hari itu.

Menurut angka rasmi dari pihak berkuasa Gaza lebih 17,000 penduduk telah terbunuh di Gaza sejak 7 Okt.

Wanita dan kanak-kanak membentuk kira-kira 70 peratus daripada jumlah mangsa yang terbunuh, dengan lebih 46,000 yang lain cedera. Kira-kira 1.8 juta rakyat Palestin pula hilang tempat tinggal. - ©BERNAMA

# Lebih 30,000 kes penipuan dalam talian babit kerugian RM1.3 bilion - Pengarah JSJK

**KUALA LUMPUR**, 9 Dis. - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima sebanyak 32,462 kes penipuan dalam talian bagi tempoh 11 bulan pertama tahun ini dengan nilai kerugian RM1.3 bilion.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata jenayah e-dagang mencatatkan kes tertinggi sebanyak 10,993 kes, diikuti jenayah telekomunikasi (9,526); pelaburan tidak wujud (5,036); pinjaman tidak wujud (4,018); jenayah e-kewangan (2,006) dan 'love scam' (883).

Beliau berkata jumlah kes meningkat sebanyak 37.5 peratus dari Januari hingga November tahun ini berbanding 23,608 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

"Selain itu, kes pelaburan tidak wujud mencatatkan kerugian terbesar berjumlah RM421 juta, diikuti dengan jenayah e-dagang (RM382 juta); jenayah telekomunikasi (RM327.9 juta); jenayah e-kewangan (RM103.6 juta); 'love scam' (RM40.9 juta) dan pinjaman tidak wujud (RM38.5 juta).

"Jumlah kerugian tersebut meningkat 33 peratus dari Januari hingga November tahun ini berbanding RM771.1 juta dalam tempoh sama tahun lepas," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Karnival Scam Free Malaysia di Pavilion Bukit Jalil, di sini, hari ini.

Karnival Scam Free itu yang dianjurkan hari ini adalah kerjasama Whoscall Malaysia dengan JSJK Bukit Aman bertujuan membanteras jenayah komersial di Malaysia.

Whoscall merupakan aplikasi dibangunkan oleh syarikat Gogolook yang membolehkan pengguna mengetahui identiti pihak membuat panggilan.

Ramli berkata sejak PDRM bekerjasama dengan syarikat itu Januari lepas, kadar panggilan dijawab menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus, daripada 66,810 kepada 34,996 panggilan.

"Kerugian yang dicatat dalam kes penipuan dalam talian ini bukan lagi ribuan ringgit tetapi jutaan ringgit. Kami menasihatkan orang ramai bahawa proses pelaburan sebenar bukan mudah dengan menawarkan keuntungan tidak masuk akal ibarat duit turun dari langit," katanya. - ©BERNAMA

# 5 maut, 30 cedera bas terbalik di Peru

**LIMA**, 10 Dis. - Sekurang-kurangnya lima orang terbunuh manakala lebih 30 cedera dalam nahas jalan raya membabitkan sebuah bas pada Jumaat di wilayah Caylloma di selatan Peru, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa pada Sabtu.

Menurut polis bas milik syarikat Reyna Transport itu terbalik di jalan masuk ke daerah Chivay kira-kira 11 malam waktu tempatan Jumaat (0400 GMT Sabtu).

Seramai lima penumpang di dalam kenderaan itu terbunuh di tempat kejadian, lapor Radio Programs of Peru.

Mereka yang cedera dibawa ke hospital manakala pihak berkuasa telah memulakan prosedur undang-undang untuk menentukan punca kemalangan.- ©BERNAMA

# Peningkatan keganasan di Timur DRC paksa puluhan ribu penduduk larikan diri - PBB

**NEW YORK**, 9 Dis. - Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyuarakan kebimbangan ekoran peningkatan pertempuran di timur Republik Demokratik Congo (DRC) yang mengakibatkan puluhan ribu penduduk di bandar Masisi, wilayah North Kivu hilang tempat tinggal, lapor Xinhua.

Beberapa sumber tempatan melaporkan pada Khamis bahawa penduduk di beberapa kampung melarikan diri dari rumah mereka berhampiran Mushaki, kira-kira 45 kilometer (km) dari Goma City susulan pertempuran antara tentera Congo dan kumpulan-kumpulan pemberontak.

Antara kampung terlibat ialah Bihambwe yang menyaksikan ribuan penduduk terpaksa mencari perlindungan akibat keganasan terbaharu itu.

Orang awam terpaksa melarikan diri, termasuk 60,000 penduduk yang mencari perlindungan selepas tiba di kawasan itu bulan lepas.

Pejabat itu berkata akses untuk rakan kemanusiaannya sangat terhad di wilayah itu dengan jalan menghubungkan Goma ke tengah Masisi terputus.

Menurut OCHA antara Julai dan Oktober, organisasi bantuan memberikan bantuan kepada tiga juta daripada lebih lima juta penduduk yang memerlukan bantuan segera di wilayah North Kivu, South Kivu dan Ituri.- ©BERNAMA

# Bangladesh miliki anggota bomba wanita buat kali pertama

**DHAKA**, 9 Dis. - Buat kali pertama dalam sejarah Perkhidmatan Bomba dan Pertahanan Awam Bangladesh (FSCD), seramai 15 anggota bomba wanita telah menyertai pasukan itu, lapor Xinhua.

Menteri Dalam Negeri Asaduzzaman Khan Kamal pada Khamis mengalu-alukan anggota bomba wanita yang baru dilantik dalam satu majlis di Dhaka, menurut Dhaka Tribune.

Seramai 15 wanita daripada 2,707 pemohon dipilih sebagai anggota bomba melalui pemeriksaan awal, kecergasan fizikal serta ujian perubatan, bertulis dan lisan.

Bulan lalu, mereka secara rasmi menyertai pasukan penyelamat di Purbachal di pinggir Dhaka.

Sebelum ini, wanita bertugas di FSCD sebagai pegawai, tetapi tidak ada yang dilantik ke jawatan anggota bomba.

Untuk menghapuskan diskriminasi jantina, jawatan "Fireman" di negara itu baru-baru ini ditukar kepada "Firefighter" atas arahan Perdana Menteri Sheikh Hasina.- ©BERNAMA




# TAMPINES ROVERS FC RANGKUL TEMPAT KETIGA PIALA SINGAPURA 2023




ANTARA aksi Pasukan Brunei DPMM FC bertemu Tampines Rovers FC pada saingan penentuan tempat ketiga Piala Singapura 2023 (kiri dan kanan).

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League**

**REPUBLIK SINGAPURA,** Sabtu, 9 Disember. - Pasukan Brunei DPMM FC terlepas peluang untuk memenangi tempat ketiga Piala Singapura 2023 setelah ditewaskan Pasukan Tampines Rovers FC dengan jaringan 0 - 2 pada perlawanan yang berlangsung malam tadi di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Separuh masa pertama menyaksikan pasukan Tampines Rovers FC lebih menguasai permainan dengan membuat jaringan pertamanya pada minit ke-10 melalui hasil tendangan Boris Kopitovic.

Pada minit ke-31, penjaga gol pasukan Brunei DPMM FC, Kristijan Naumovski, sekali lagi gagal menyelamatkan gawangnya apabila Muhammad Faris bin Ramli dari Tampines Rovers FC berjaya menyumbatkan jaringan gol.

Masuk babak kedua perlawanan, kedua-dua pasukan saling silih berganti mengatur serangan untuk menjaringkan gol masing-masing, namun Pasukan Tampines Rovers FC lebih mendominasi permainan.

Brunei DPMM FC terus mengatur strategi melakukan serangan namun menemui jalan buntu dan kedudukan kekal 0 - 2 berpihak kepada Tampines Rovers FC.

# MG Roses juara Kejohanan Bola Jaring Wanita 2023




**DAYANG Hajah Siti Rubiah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai bersama juara Kejohanan Bola Jaring Wanita 2023.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Ahad, 10 Disember. - MG Roses dari Kampung Meragang muncul juara Kejohanan Bola Jaring Wanita 2023 bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu setelah mengalahkan The HornBills yang juga dari Kampung Meragang, dengan jumlah jaringan 15-12.

Sementara itu, Queen Sakura dari RPN Tanah Jambu menyandang tempat ketiga kejohanan berkenaan.

Acara tersebut berlangsung di Atrium Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kejohanan ialah isteri Ketua Kampung RPN Meragang, Dayang Hajah Siti Rubiah binti Haji Sulaiman.

Juara menerima hadiah wang tunai sebanyak BND200 manakala naib juara menerima hadiah wang tunai BND175 serta tempat ketiga menerima hadiah wang tunai BND150.

Bagi Best Shooter dengan jumlah 42 jaringan disandang oleh Dayang Nur Sakinah binti Haji Mahri dari The HornBills, Dayang Hajah Siti Rohaizah binti Haji Buntar dari MG Roses memenangi Best Defender. Manakala Best MVP diterima oleh Dayang Nur Fajrina binti Dunglah dari Queen Sakura dan kesemua pemenang menerima hadiah wang tunai.

Kejohanan yang julung kalinya diadakan merupakan anjuran Majlis Perundingan Kampung RPN Tanah Jambu sempena Cuti Sekolah Penggal Ketiga.

Ia juga bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan penduduk kampung, di samping salah usaha ke arah melahirkan warga sihat.

Dengan adanya kejohanan tersebut, MPK RPN Tanah Jambu akan lebih bergiat aktif dalam mengadakan aktiviti-aktiviti seumpamanya agar dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan penduduk kampung serta menambahbaikkan lagi keutuhan semangat kejiranan dan melahirkan masyarakat yang sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA INGAT KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DALAM SETIAP PERBUATAN